

**Bil.37**

**Rabu  
29 Oktober 2014**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur**

- Kementerian Wilayah Persekutuan
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 29 OKTOBER 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd. Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]  
Cik Fatin Izzati binti Mohd. Radzi [Jurubahasa Serentak II]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Mona Othman [Timbalan Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Cik Teo Kiat Noi [Penolong Juruaudit, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]

**Kementerian Kewangan**

Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen & Kabinet) 2]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina binti Kamarudin [KPP(K)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [TPBK(K)A]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Unit Perancang Ekonomi**

Encik Mothi a/l SK Kothandabhany [Timbalan Pengarah I (Pembangunan Wilayah)]  
Encik Chin Kenvey [KPP Pembangunan Spatial II]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Wilayah Persekutuan**

YBhg. Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Datuk Hajah Nor'Aini binti Abd Wahab [Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan dan Sosioekonomi)]  
Encik Abu Bakar bin Idris [Setiausaha Bahagian (Bahagian Khidmat Pengurusan)]  
Tuan Haji Azizi bin Ahmad Termizi [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancangan Dasar)]  
Puan Rohida binti Kamis [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Integriti)]  
Encik Hazman bin Mohamed [Ketua Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]

**Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

YBhg. Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib [Datuk Bandar DBKL]  
YBhg. Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz [Ketua Pengarah DBKL]  
Tuan Haji Omar bin Abas [Pengarah, Jabatan Kewangan DBKL]  
Encik Tan Peng Heng [Pengarah, Jabatan Pengurusan Maklumat DBKL]  
Encik Rolan bin Haji Abdul Rahman [Pengarah, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja DBKL]  
Puan Hajah Rohayah binti Karim [Pengarah, Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan DBKL]  
Tuan Haji Zulkurnain bin Hassan [Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar DBKL]  
Encik Haji Abd. Hamid bin Surip [Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar DBKL]  
Encik Muhamad Azwal bin Ab. Azis [Timbalan Pengarah (Pembangunan),  
Jabatan Pengurusan Maklumat DBKL]  
Encik Ibrahim bin Yusoff [Timbalan Pengarah, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja DBKL]  
Encik Mansor bin Jusoh [Timbalan Pengarah, Jabatan Pengurusan Maklumat DBKL]  
Encik Saharuddin bin Hamid [Ketua Penolong Pengarah]  
Puan Nurmariam Aisyah binti Hashim [Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan & Pengurusan  
Penjaja DBKL]  
Cik Nor Hazren binti Mohd Isa [Pegawai Teknologi Maklumat]  
Puan Normala binti Mistar [Pegawai Teknologi Maklumat,  
Jabatan Pelesenan & Pengurusan Penjaja DBKL]  
Encik Saffrizan bin Yusof [Akauntan, Jabatan Audit Dalam DBKL]  
Puan Junainah binti Repin [Timbalan Bendahari, Jabatan Kewangan DBKL]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 29 Oktober 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.36 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi, salam 1Malaysia, selamat datang kepada Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, wakil daripada Jabatan Audit Negara dan juga wakil-wakil kementerian. Pada hari ini, kita akan memanggil prosiding dan juga memanggil kementerian- apa nama kementerian sekarang?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini Kementerian Wilayah Persekutuankah?... *[Disampuk]* Tidak ada? Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memberikan penjelasan mengenai isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013, Siri 2 iaitu berkenaan dengan pengurusan lesen iklan dan papan tanda di Kuala Lumpur. Jadi, isu-isu yang telah ditimbulkan adalah sebenarnya terkumpul daripada sistem IT yang mereka pakai dan juga pemantauan yang tidak cekap, ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan daripada segi perubahan syarat-syarat iklan dan juga kelemahan dalam proses pembaharuan dan pengurusan tunggakan fi.

Jadi hari ini walaupun isu ini dianggap terhad tetapi saya rasa elok juga kita tanya soalan lain kepada DBKL. Baru-baru ini ada soal kenaikan cukai pintu yang dikenakan dan juga mengenai *reserve* DBKL yang agak besar, saya dimaklumkan RM2 bilion, RM3 bilion juga. Akan tetapi jalan raya di Kuala Lumpur ini masih berlopak... *[Disampuk]* Ya, saya pun tidak faham macam mana cara mereka belanja duit ini. Jadi kita boleh ambil peluang juga bertanya mereka... *[Disampuk]* Ya, *I know* lah. *You understand but we don't understand because we are not wakil rakyat in KL area.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh! Macam itu?

**Tuan Pengerusi:** Ya, macam itu... *[Ketawa]* Jadi tanpa melengahkan masa, saya minta Jabatan Audit Negara untuk *refresh* kita punya *memory* mengenai isu-isunya mengenai perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Pengerusi, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Timbalan Pengerusi Dr. Tan Seng Giaw serta Ahli-ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil daripada kementerian.

Sebenarnya sebagaimana kata Tuan Pengerusi kata tadi, pengauditan ini telah kita laporkan dalam Siri 2, Tahun 2013 dan pengauditan ini kita telah jalankan selama empat bulan, dari bulan Mei hingga bulan September 2013 dan ia telah pun dibentangkan pada 16 Jun *this year* dan pada masa itu pun kita bentangkan kepada PAC juga, secara ringkasnya.

Untuk makluman, pengauditan yang kita laksanakan ini ada beberapa isu, ada enam isu semuanya yang kita bangkitkan.

■1140

- (i) berkaitan dengan nilai ataupun fi tunggakan yang tinggi, kedudukan sekarang kalau daripada rekod yang kita semak pada masa itu ada RM128.14 juta lesen iklan papan tanda dan RM10.21 juta iklan papan luar tunggakan;
- (ii) proses permohonan lesen kurang mesra pengguna dan terdapat permohonan yang diluluskan sungguhpun tidak mematuhi syarat;
- (iii) sistem maklumat yang dibangunkan berkaitan dengan prosedur pelesenan agak tidak memuaskan;
- (iv) terdapat ketidakpatuhan terhadap undang-undang garis panduan lesen yang diluluskan;
- (v) terdapat kelemahan dalam proses pembaharuan dan pengurusan tunggakan fi; dan
- (vi) berkaitan aspek penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pelesenan tersebutlah.

So, yang pertamalah berkaitan dengan proses lesen kurang mesra pengguna iaitu yang pertama yang berkaitan dengan itu kita dapati DBKL ada membangunkan satu sistem berkaitan dengan mengeluarkan lesen. Apa yang kita tegur berkaitan dengan kurang mesra pengguna di mana permohonan lesen- ia dibuat secara *online* tetapi di dalam sistem *onlinenya* pengguna kena hadir sendiri pula untuk menyerahkan dokumen-dokumen sokongan, *supporting document* kepada DBKL. *So, it defeats the purpose* permohonan secara *onlinelah*.

Juga berkaitan dengan kelemahan sistem maklumat, ada dua sistem yang dibangunkan bernilai RM1.19 juta dan satu lagi sistem BMS berkaitan dengan bernilai RM1.6 juta. Kedua-dua sistem tersebut juga menghadapi masalah dalam pelaksanaan kerana pertamanya sistem maklumat eLESEN yang dijana didapati tidak tepat dan lengkap serta mempunyai banyak kesilapan-kesilapan yang kita tidak boleh- data-data daripada apa yang ada pada sistem tersebut adalah tidak *reliable*. Juga dari segi sistem BMS, itu maklumat-maklumat yang luput dikunci masuk, masalah pemasangan pengesahan ITAC yang digunakan untuk diletakkan di papan-papan tanda pun tidak dilaksanakan sepenuhnya. Ini berkaitan dengan maklumat yang dibangunkan terhadap sistem bagi pelaksanaan pelesenan eLESEN.

Dari segi syarat ketidakpatuhan, syarat kelulusanlah ini, kita Jabatan Audit membuat *test check* semasa pengauditan dijalankan bagi 12 sampel yang kita pilihlah terhadap permohonan iklan *unipole* daripada 12 itu, 10 didapati tidak kemukakan wang deposit, 11 tidak kemukakan polisi insurans perlindungan awam, dan lapan tidak membayar Lesen Menduduki Sementara (LMS).

So bagi 32 permohonan yang kita semak terhadap permohonan iklan *billboard* dan papan elektronik, daripada 32 itu, 21 tidak kemukakan polisi insurans, 28 tidak kemukakan laporan tahunan pemeriksaan berstruktur, 30 tidak membayar LMS.

Bagi kelulusan struktur dari JPBV untuk iklan *unipole* dan *billboard* tidak diperoleh.

Bagi 19 permohonan iklan jejambat, iklan dinding dan iklan langit 17 lesen gagal atau lewat menjelaskan bayaran deposit. Maksudnya di sini dari segi syarat-syarat kelulusan itu keseluruhannya banyak tidak dipatuhi dalam melaksanakan operasi ini.

Ketiga seterusnya perubahan tapak ataupun kategori iklan. Satu, Seni Jaya Sdn. Bhd. telah mendirikan iklan jenis *V-shape unipole* di tapak lain tanpa mendapatkan kelulusan DBKL untuk perubahan iklan tersebut. Sungguhpun kelulusan asal meletakkan iklan jenis tunggal, so maksudnya iklan yang diluluskan adalah jenis *unipole* tetapi dibuat *V-shape*.

Dan juga Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur telah mendirikan iklan jenis *unipole* dan bukannya *Billboard* seperti yang diluluskan melibatkan tujuh sampel. Lima lokasi didirikan sebelum mendapat kelulusan iaitu iklan-iklanlah.

Seterusnya adalah kita semak juga daripada kajian yang dijalankan sendiri oleh DBKL menunjukkan 98% daripada struktur papan iklan yang diberikan kelulusan permit tidak mematuhi garis panduan. Sebanyak 9.4% daripada struktur yang tiada permit kelulusan tidak mematuhi iklan. Tidak mematuhi maksudnya ketidakpatuhan yang meliputi aspek jarak diletakkan daripada bahu jalan, jarak daripada ruang pejalan kaki, jarak daripada papan iklan...

**Tuan Pengerusi:** Ini kalau 98% dengan 94% daripada...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ini kajian yang dilaksanakan oleh DBKL sendiri. Kita ambil rekod dialah.

**Tuan Pengerusi:** Ambil rekod dia maknanya dia kata dari segi syarat kelulusan struktur papan iklan pun dia punya kelulusan tidak diberikan dan juga tidak mematuhi garis panduan iklan.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ini saya cuba hendak katakan apa yang kita buat audit sebelum ini, apa yang kita lapor itu yang mereka buat sendiri pun lebih kurang sama juga.

*[Pembentangan berdasarkan paparan slaid]*

Okey, *next* kita tengok gambar-gambar yang tidak mematuhi iaitu semasa lawatan Audit.

Nombor lesen serta nama pendaftaran syarikat tidak dipamerkan. Sepatutnya kalau kita tengok di situ, dia kena nyatakan nombor lesenlah bagi tiap-tiap papan iklan yang dipamerkan.

Pemasangan iklan di kawasan rizab iaitu contoh di kawasan tanah rizab. Ini di bawah JPS so surat kelulusan daripada JPS berkaitan dengan ruang tersebut tidak dikemukakan.

Struktur papan iklan yang tidak mematuhi peraturan maksudnya di sini terdapat tempoh papan iklan luar yang melebihi 11 hingga 23 tahun. Kalau kita tengok daripada surat kelulusan itu nombor itu, kalau yang terang itu dan tarikhnya- DBKL/JPL107/206/97, maksudnya tahun 1997 punya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia orang masih terus bayar kah ataupun...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak bayar.

**Tuan Pengerusi:** Tidak bayar. Okey maknanya bila tidak tukar dia punya papan tanda itu maknanya tidak bayarlah.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tidak bayarlah.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi masih dibenarkan menggunakan lagi ...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Masih ada, masih beroperasi. Tidak ada *revenue*lah kepada DBKL.

*Next*, lokasi paparan iklan yang tidak sesuai.

Paparan iklan bersaiz besar tidak dibenarkan berada di dalam jarak 500 meter daripada persimpangan jalan dan kawasan- ini yang tidak sesuai lah ya.

Struktur iklan yang tidak mematuhi peraturan, iaitu jarak antara papan iklan terlalu dekat... [*Merujuk paparan slaid*] Ini di Jalan Jelatek-Jalan Enggang. Jarak antara *billboard* terlalu dekat dan tidak mematuhi ketetapan dan juga di Jalan Genting Klang-Wangsa Maju, jarak di antara *billboard* terlalu dekat dan tidak mematuhi ketetapan.

Seterusnya iklan yang tidak mematuhi peraturan di Jalan Ipoh-Jalan Segambut, paparan iklan kosong yang menjejaskan pemandangan.

**Puan Mona Othman [Timbalan Pengarah, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]:**  
[*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ada.

**Puan Mona Othman:** ...Mempamerkan mesej sivik sementara...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Polisi ya. Boleh... [*Ketawa*]

Seterusnya berkaitan kelemahan pembaharuan dan pengurusan tunggakan lesenlah, kita semak terhadap 100 akaun lesen iklan papan tanda dan premis berlesen mendapati, 22 tidak menjelaskan pembayaran lesen berjumlah RM100 hingga RM5,250 bagi tujuan pembaharuan, 20 daripada 60 akaun lesen iklan papan tanda tidak dilesenkan didapati tidak menjelaskan lesen berjumlah RM1,100 sehingga RM7,800. Semakan audit juga terhadap 10 lesen papan iklan luar mendapati lapan daripadanya tidak menjelaskan bayaran lesen tertunggak berjumlah RM4.23 juta dan ada yang telah tertunggak sejak tahun 2001.

#### ■1150

Komitmen operator premis permohonan lesen papan iklan luar kurang memuaskan.

Seterusnya bagi iklan papan tanda premis, bilangan notis kompaun yang direkodkan dalam sistem SP2U bagi tempoh tahun 2010 hingga tahun 2013 iaitu 203 hingga 206 kes semuanya. Semakan Audit mendapati 80 fail premis perniagaan yang dikenakan kompaun mendapati daripada 43 ataupun lebih separuh daripadanya masih tidak menjelaskan kompaun sehingga ke tarikh pengauditan. Maksudnya kalau dia buat penguatkuasaan pun, orang kompaun pun, separuh saja yang orang bayar. Yang lain tak bayar. Tak adapun tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Lepas Audit dah datang pun mereka tak kutip lagi?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Lepas Audit kita tak tahu. Kita tak tahu dah.

**Puan Mona Othman:** Lepas Audit mungkin ada penambahbaikan.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Mungkin lah lepas pada itu.

**Puan Mona Othman:** Akan tetapi status terkini kita tidak maklum pun lagi.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Bagi paparan iklan luar, didapati penurunan yang ketara bagi bilangan kompaun yang dikeluarkan antara 65.7% sehingga 73.7% bagi tahun 2010 banding dengan tahun 2012. Penurunan ini kita dapati tidak selaras dengan peningkatan jumlah fi lah.

**Puan Mona Othman:** Sebab sepatutnya bila jumlah fi meningkat, kompaun pun meningkat kan? Akan tetapi kita dapati ia *contradict*.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Yang lain-lain itu adalah kita tengok dari segi penguatkuasaan dan tindakan-tindakan. So, ini kita tengok contoh gambar-gambar... [Merujuk kepada paparan *slaid*] Berdekatan Jalan Loke Yew iklan dinding haram. Kita tengok ya. Jalan Loke Yew juga *billboard* yang dipasang secara haram. Jalan Gombak yang diletak iklan haram ditampal di TNB kah, Telekom punya. Ini yang Jalan Setapak itu ditampal pada nama-nama jalan ya.

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh itu susah nak kuat kuasa pun.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Sudah.

**Puan Mona Othman:** Cuma *there is a case whereby* dekat dengan DBKL sendiri, yang CIMB patung "sotong" itu, yang itu pun kategori yang haram lah sebenarnya. Tidak dibayar.

**Tuan Pengerusi:** Yang saya rasa...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya lah yang itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang saya rasa kita patut fokus ialah iklan-iklan *billboard* yang besar ini, apa semua inilah yang tak dilesenkan oleh DBKL. So, secara keseluruhan penguatkuasaan lah, kelemahan logistiklah- masalah di bawah JPP tidak terhad, keselamatan awam itu dari segi punca-punca kelemahan yang ketara di Dewan Bandaraya berkaitan mengatasi tindakan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan oleh pihak penguatkuasaan DBKL. Itu sahaja Tuan Pengerusi secara ringkas daripada apa yang telah kita laporkan dalam laporan ini. Selepas itu adakah apa-apa nak tambah lagi sebelum kita panggil DBKL masuk?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Saya nak tanya yang RM128 juta yang tidak dijelaskan setakat *over the period of how long*?



**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Oh, sejak...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Daripada awal lah?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Sejak lama.

**Tuan Pengerusi:** Setahun agak-agak kutipan mereka sekarang ini berapa?

**Puan Mona Othman:** Kalau *yearly* dalam *more than RM50 million* lah.

**Tuan Pengerusi:** 55?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *Five zero*.

**Tuan Pengerusi:** *Five zero* lah? Maknanya dengan penguatkuasaan yang lemah, dengan kutipan yang tidak dipantau ini pun, mereka kutip *RM50 million a year* lah.

**Puan Mona Othman:** Yang masuk PAC ini *potential, among to be collected* lah, *potential*.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Akan tetapi Yang Berhormat Datuk, oleh sebab ia berkaitan dengan lesen, *so* ia kalau *once you tak collect*, ia tak ada *so*, dah tak boleh lah. Ia kira *burn*. Ia tak akan *appear* sebagai tunggakan. *I mean* kalau *you tak kenakan lesen, you dah terlepas*. *Terlepas, dah tak ada dah. So it burn. Patutnya you kena collect* sebelum masanya.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, *the potential* sekarang ini dengan *collection* yang lemah seperti ini pun mereka boleh *collect RM50 million*.

**Puan Mona Othman:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kalau mereka tumpukan lagi, mereka boleh *collect* lebihlah.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ya, ya.

**Puan Mona Othman:** Cuma satulah Tuan Pengerusi ya, bila kami turun padang sendiri, macam saya bagi contohlah ya. Kita *visit Brickfields*, *so operator* dekat situ pun agak terkejutlah sebab dia kata dia dah beroperasi di situ lama dah berpuluh-puluh tahun, tetapi *this is the first time* yang DBKL datang buat penguatkuasaan. Itu kita *facing* sendiri lah.

**Tuan Pengerusi:** DBKL ada Unit Audit Dalaman tak?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ada Audit Dalam.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa tak buat kerja macam ini, kerja-kerja yang *simple* macam ini? Sampai nak kena Audit Negara masuk dulu baru *point out* semua ini?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Boleh tanya dia nanti... [Ketawa]

**Datuk Seri Reezal Merican:** Akan tetapi memang *RM50 million*?

**Puan Mona Othman:** *Estimation* lah. Sebab yang *latest* itu 52.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *RM52 million*?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *Over three year*.

**Puan Mona Othman:** *Sorry, sorry*. Yang itu untuk tiga tahun.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Hah itulah. *Yearly* tak sampai 50 saya rasa.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tak sampai, tak sampai.

**Tuan Pengerusi:** Jangan salah *information*. Kang malu kita.

**Puan Mona Othman:** *Sorry, sorry.*

**Tuan Pengerusi:** Jadi sekarang ini berapa, agak-agak satu tahun berapa?

**Datuk Seri Reezal Merican:** Dia ada 13, 18 lah. *Not more than 20.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** *About 20.*

**Tuan Pengerusi:** *About RM20 million ya.*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Cuma dalam kalau maklum balas laporan-laporan itu jawapan dia, lebih kurang dia mengakulah semua tindakan, apa-apa yang kita tegur itu dia tidak ada kata *encounter* balik. Maksudnya memang dia mengaku kelemahan.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, DBKL ini *closed service*. Kalau PAC suruh ambil tindakan pun, mereka tak ambil tindakan pun bukannya mereka hirau pun. Fasal dia *closed service*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Eh, mesti hirau.

**Tuan Pengerusi:** Balik-balik orang yang semua juga, dia *rotate* saja. Dia tak boleh nak ganti-ganti orang, nak buang orang kerja. Tak mudah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kita nak suruh ambil tindakan pada staf dia, kalau dia tak ambil tindakan pun...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita puji itu nampak. Kita menyelidik dan cari apa yang sebenarnya yang salah.

**Tuan Pengerusi:** Eh betullah ini! Dah bertahun-tahun pun mereka buat tak tahu saja... *[Ketawa]* Bila Audit masuk baru mereka buat... *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Kalau kita tengok sini anggarannya adalah lebih kurang RM18 juta sahaja setahun.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Saya pun hairan. Dia baru turun dia punya anggaran *in 2012 and 2013*. Mula-mula dekat anggarannya tinggi sikit kan. Tahun 2010 dia punya anggaran *was 16, but then 2012* kata, dia *lowered down to 30 million only. We ask them.*

**Tuan Pengerusi:** Tak apa. patutnya kalau Kuala Lumpur berkembang, jangan...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Hah, itulah. *With all the cost arising, I don't know why the estimation was brought...*

**Tuan Pengerusi:** Turun kan? Itu satu soalan juga.

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [TPBK(K)A]:** Datuk, Yang Berhormat ya. Tuan Pengerusi, ekoran daripada Laporan Ketua Audit Negara ini, JPA telah mengadakan atau mewujudkan satu jawatankuasa siasatan khas lah kerana elemen *punitive* di sini dan juga daripada Syor Jawatankuasa kita akan ambil tindakan kepada pegawai yang terlibat.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, *I interesting* nak tahu, apa tindakan *you* nak ambil. Fasal ini *closed service*.

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** Ya. Bila *closed service*, kita akan cadangkan kepada jawatankuasa yang diwujudkan di bawah *disciplinary board* dia lah, badan berkanun dan juga yang begini di bawah dia. Kita akan syorkan. Yang *governments* ini, JPA sendiri akan ambil. Yang ini kita akan syorkan. Macam FELDA yang hari itu kita akan syorkan pada lembaga dia. Lembaga dia akan ambil tindakanlah. So yang ini jawatankuasa siasatan. Dia dah ambil. Dah kita itulah ada tindakan *punitive* dan juga ada di antara sini *committee* ataupun jawatankuasa siasatan mencadangkan beberapa penambahbaikan. Antaranya *just* untuk pengetahuan Tuan Pengerusi dan Ahli PAC; satu, mereka ini kena mengguna pakai pekeliang perolehan ICT yang dikeluarkan oleh MAMPU dan Kementerian Kewangan. Selama hari ini dia tidak pakai. Tidak, maksud situ kena pakaiiah.

Keduanya, dia kena menyediakan perancangan ataupun pelan strategik ICT nya untuk jangka panjang. *Now*, dia buat *in short terms*. Kebanyakan kementerian dia ada JP ICT. Maknanya, mana-mana perolehan yang dia nak buat, dia kena *table* di peringkat kementerian. Keempatnya, dari segi Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan. *Any tender they should come out* dengan yang itulah. Ini *observation* yang dibuat supaya dia teliti kerana tidak ada risiko kepada *governments any of the project*. Fasal empat siasatan ini *more* kepada *IT system*, perolehan ini. Dia ada sistem, empat sistem tetapi itulah tak jalan. So, kadang-kadang pegawai pun yang baru dalam *observation* dia, Gred 41 tak ada *experience* pun. Dia *head* kepada dia punya ICT ataupun penguasa kepada projek itulah. So, *committee* itu cadang. Dan *most important thing documentation*. Dokumen kena simpan betul-betullah. *This is a part and parcel of this observation* oleh *committee* siasatan yang kita tubuhkan *and then* dia punya *recommendation*.

#### ■1200

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau *preemptive action* apa yang selalu mereka ambil?

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** Kalau JPA, *police direction*. Kalau ikut laporan, kita akan bantangkan nanti sebelum yang 10 hari bulan ini. Kesan, satu kita sudah buang kerja, yang lain itu turun pangkat, tidak naik pangkat, amaran, surcaj, itulah. Akan tetapi masalah yang agak- di sini contohnya kalau pegawai itu sudah bersara, kita tidak adalah ambil tindakan kecuali sivil. Maknanya pergi kepada mahkamahlah- yang ini di luar bidang kuasa kita.

**Tuan Pengerusi:** Fasal apa macam IT ini, mereka punya alasan senang sahaja, mereka kata mereka tidak ada staf atau dia tidak komited, tetapi apa tindakan kepada kesalahan itulah, apa tindakannya. Ini kerana kerugian daripada kelemahan pelaksanaan IT itu menyebabkan kerugian berjuta-juta.

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** Itulah kalau kita semak tadi, fasal itu yang *committee* ini mencadangkan, sebelum sesuatu projek diluluskan, dia perlu bawa kepada *committee* ICT itu sendiri di peringkat mereka dan juga di peringkat kementerian. Di sini *they are simply come out with the idea, they are simply come out with the ICT and then awarded contract themselves*.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Saya hendak minta pencerahan sedikit. Kalau *any procurement at either local government* ataupun DBKL, *that generated from their own sources of collected revenue but not from the Federal Government, do they, I mean still subject to the* pekeliling?

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** Dia ada dua pilihan opsyen. *They might be not subject to* pekeliling, *but any local authority, they have their own by law or* pekeliling. Normally pekeliling yang mereka wujudkan *must address this* parameter yang *government require*, tetapi peraturan memang ada. *So they are not simply*, tetapi masalahnya *is* peraturan ada or...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Maksud saya tadi...

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** *You know subject to...*

**Datuk Seri Reezal Merican:** No. *Pekeliling by MAMPU* tadi itu *because they quite autonomous on their- I mean generated from their own collected revenue. Will they be such...*

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** Tidak. *They not subject* tetapi dia boleh yang dia minta tadi itu mengguna pakai. Dia boleh tidak hendak pakai, tetapi *advisably* dia mengguna pakai mana-mana pekeliling kerajaan fasal, *at the end still would not* macam Datuk maklumkan tadi, *their own generate income still public's moneys*. Dia mengguna pakai, boleh dan tidak bolehlah.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** JITIK iaitu Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan ini, dia yang dikeluarkan oleh MAMPU. *That is mean* untuk semua Kerajaan Persekutuan perlu ikut, tetapi macam badan berkanun *up to them*, hendak ikut atau tidak hendak ikut. Apa yang dicadangkan tadi supaya dia ikutlah. Maksudnya di sini bahawa JITIK, semua projek perolehan-perolehan pembangunan sistem yang bernilai RM200,000 ke atas perlu melalui jawatankuasa tersebut.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Saya tanya tadi sebab bila ada *preemptive* tadi, *when there is incompliance of* pekeliling yang telah dikeluarkan, tetapi *it is not incumbent upon them* untuk ikut, *then there is no point* bukan.

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini baru hendak bentuk jawatankuasa itulah, jawatankuasa dalam DBKL itu sendiri...

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kita perlu tanya pula?

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Saya pun risau juga. Dia ada banyak lagi *software* dalam DBKL yang dipakai, terutama *software mapping* bila dia hendak *mapping* kawasan DBKL itu sendiri. Sepatutnya dia ada dia punya *mapping software* yang tepat dan sebagainya.

**Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir:** Oleh sebab itu dalam *recommendation of committee*, *they must have the ICT blueprint for long term*.

**Tuan Pengerusi:** *That is why*, apabila sebut fasal hal tadi, kalau hal IT sistem untuk hendak kutip hasil iklan papan tanda pun mereka tidak ikut *spec, software* yang lain itu untuk kegunaan lebih teknikal itu agaknya tidak tahulah macam mana rupanya. Jadi *you* minta tadi kita tanya, jadi nanti kita tanyalah. Jadi, ada apa-apa lagi sebelum kita panggil dia? Okey, panggil KSU datang.

*[Saksi-saksi masuk mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

■1210

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh kita mula? Selamat pagi saya ucapkan kepada Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, yang saya hormati Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib, Datuk Bandar DBKL serta Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah DBKL serta pegawai-pegawai dari DBKL. Pada pagi ini, saya ucapkan terima kasih di atas kesudian Datuk-Datuk untuk datang ke PAC untuk memberikan taklimat mengenai isu pengurusan lesen iklan dan papan tanda di Kuala Lumpur yang berkenaan dengan DBKL, yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri Kedua.

Jadi isu-isu ini berkenaan dengan kelemahan kutipan hasil daripada lesen iklan dan papan tanda yang diaudit pada tahun 2010 hingga 2013 yang berjumlah RM52 juta. Jadi isu-isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah mengenai pengurusan lesen iaitu proses permohonan dan kelulusan, pengemaskinian maklumat lesen secara berkomputer, manual dan proses pembaharuan lesen dan penguatkuasaan terhadap peraturan yang telah ditetapkan.

Jadi Datuk, pada hari ini sebenarnya Jawatankuasa PAC hendak penjelasan daripada DBKL mengenai kutipan hasil ini kerana kita sedia maklum isu kenaikan Cukai Pintu baru-baru ini menjadi satu isu yang telah mencetuskan kemarahan rakyat dan ia juga menjadi isu yang sentiasa diperkatakan oleh rakyat bahawa kerajaan asyik kutip cukai lebih dan mereka hendak tahu juga sama ada kenaikan cukai seperti ini diperlukan ataupun tidak. Jadi ada masalah mengenai kutipan hasil daripada DBKL, walaupun tidak besarlah.

Saya dimaklumkan kutipan iklan ini baru RM18 juta hingga RM20 juta setahun tetapi perkara ini mungkin boleh- kutipan hasil boleh diperbaiki lagi dan ditambah baik. Ia boleh ditingkatkan lagi ataupun DBKL perlu menutup ketirisan yang berlaku dalam kutipan hasil supaya kutipan hasil yang lain-lain ini walaupun kecil tetapi ia akan dapat ditambah dan menampung hasil yang dikutip oleh DBKL selain daripada kutipan utamanya iaitu kutipan Cukai Pintu.

Jadi, isu yang ditimbulkan oleh Audit juga adalah mengenai iklan haram. Itu saya sebutkan tadi. Mana-mana iklan yang telah dikenal pasti, telah diberi permit tetapi cukai tidak dikutip. Selepas setahun, maknanya sudah lupuslah cukai yang patut dikutip tersebut. Ada juga isu mengenai iklan haram yang boleh naik tanpa DBKL memantau dan ia juga boleh menyebabkan ketirisan. Kadang-kadang penguatkuasaan tutup satu mata, dia buat-buat tidak nampak isu iklan haram yang naik di sekitar kawasan DBKL ini.

Selain itu, kalau boleh kita hendak tanya mengenai peranan Unit Audit Dalam DBKL yang sepatutnya memantau perkara-perkara seperti ini, dan menimbulkan perkara ini sebelum Jabatan Audit Negara sendiri menimbulkannya, kerana Jabatan Audit Negara hanya dapat mengaudit setiap jabatan kerajaan dalam tempoh tiga, empat, lima tahun, enam tahun baru pusingan jabatan tersebut tiba. Akan tetapi kalau Unit Audit Dalam DBKL ini boleh dimantapkan lagi, perkara-perkara dari segi pengurusan DBKL ini akan dapat- masalah ini akan dapat dikenal pasti lebih awal.

Selepas itu kita juga hendak tanya sama ada sekarang ini DBKL mematuhi atau tidak dari segi perolehan IT. Sistem komputer- sistem *information technology* dalam DBKL yang saya rasa memang penting digunakan oleh DBKL untuk menguruskan hal DBKL. Ada atau tidak Jawatankuasa IT ini ditubuhkan di peringkat DBKL untuk menguruskan pembelian IT? Yang kita dimaklumkan di sini, *IT system* yang digunakan untuk kutip hasil iklan ini pun ada kelemahan. Ini belum lagi sistem-sistem yang lebih canggih seperti sistem *mapping* kawasan persekitaran DBKL ini. Sistem lebih canggih, lebih besar belanjanya. Adakah sistem tersebut juga berkesan dalam membantu urusan DBKL?

Terakhir sekali yang saya rasa kalau boleh- ini soalan tambahan sikitlah yang di luar daripada topik kita pada hari ini mengenai perbelanjaan penyelenggaraan terutama dari segi jalan, perparitan dan sebagainya. Masalah banjir kilat sekarang ini nampaknya memang susah juga untuk dikawal. Akan tetapi soal lopak ini. Jalan raya kita yang masih lagi tidak rata, berlopak yang berkali-kali terpaksa diturap semula dan sebagainya tetapi ia tidak kekal dan akhirnya menimbulkan suasana di mana keadaan jalan di Bandaraya Kuala Lumpur ini, banyak tempat mengalami masalah lubang dan sebagainya. Jadi itu sahaja.

Seperti biasa saya tidak tahu Datuk sudah biasa datang atau tidak ke PAC? Segala apa yang diperkatakan dalam PAC ini akan direkodkan dalam *Hansard*. Jadi kalau ada perkara-perkara sensitif yang tidak mahu rekod dalam *Hansard*, tutup *mic*. Akan tetapi orang kata kalau hendak cakap seperti biasa, buka *mic* lah supaya setiap kenyataan Datuk nanti akan direkodkan dalam *Hansard*.

Saya minta Datuk kenalkan dulu siapa-siapa yang bersama Datuk pada hari ini dan selepas itu Datuk boleh mulakanlah taklimat kepada kita. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sebelum Datuk Seri bermula, ini Yang Berhormat daripada Pulau tidak begitu biasa dengan PBT nya dan daripada Tuaran.

**Tuan Pengerusi:** Pulau kawasan Johor Bahru lah. Bandar raya ketiga terbesar dalam Malaysialah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Johor Bahru itu ibu pejabat polis pun tidak ada di situ. Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kepala Batas- pembantu bekas Perdana Menteri kita. Mereka ini biasa dengan perkara-perkara nasionallah. Peringkat kebangsaan. PBT itu kurang biasa. Saya berharaplah dengan usaha Datuk Bandar dan Ketua Pengarah yang baru ini hendak meningkatkan Kuala Lumpur kepada peringkat antarabangsa, kita berharap mereka boleh tolong jugalah. Soalan-soalan itu mestilah adil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Wah, baguslah! Yang Berhormat Kepong puji DBKL... [Ketawa]

**Datuk Seri Reezal Merican:** Macam *Federal Court Judge*... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Datuk, silakan Datuk.

**12.19 tgh.**

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan [Ketawa Setiausaha]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Selamat tengah hari.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC merangkap Ahli Parlimen kawasan Pulai, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini merangkap Ahli Parlimen kawasan Kepong, Yang Berhormat Datuk Seri Reezal Merican, Ahli Parlimen kawasan Kepala Batas dan Yang Berhormat ini saya lupa nama. Tidak jumpa *list*. Minta maaf, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat daripada Tuaran.

**Datuk Seri Adnan bin Hj. Md Ikhsan:** Yang Berhormat daripada Tuaran. Minta maaf, Yang Berhormat. Saya pun tidak nampak di sini. Datuk Madius bin Tangau, tuan-tuan dan puan-puan Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Pertamanya saya dari Kementerian Wilayah Persekutuan dan rakan saya daripada DBKL ucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberi untuk kami menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh audit. Memang pengalaman pertama saya menghadapi audit ini. Tidak nafilah kita pun rasa bimbang juga takut-takut tidak dapat memenuhi kehendak Audit. Kita akan cuba jawab Yang Berhormat.

■1220

Jadi, sebelum kita teruskan kepada isu-isu yang dibangkitkan, izinkan saya untuk memperkenalkan pegawai-pegawai yang bersama kami pada tengah hari ini. Di sebelah kiri saya, Yang Berbahagia Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Haji Ahmad Phesal, di sebelah kanan saya, KP dia, orang kuat nombor dua Ketua Pengarah DBKL, Datuk Mhd. Amin. Kemudian TKSU Kementerian Wilayah Persekutuan, TKSU kami yang baharu, wanita- Datuk Hajah Nor'aini dan yang lain ini adalah pegawai kanan *level* SUB dan juga TSUB ataupun peringkat pengarah di DBKL.

Kami telah meneliti tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Audit ini Yang Berhormat. *Actually* ada sembilan isu sebenarnya yang disebutkan dan *insya-Allah*, kami akan jawab satu-persatu. Kemudiannya, soalan tambahan yang ada tiga ini, saya akan minta terutamanya DBKL sendirilah untuk menyediakan jawapan dan kita akan cuba bantu mana yang termampu.

Pertama ialah tentang soalnya, terdapat permohonan yang tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Permohonan pemasangan papan iklan tidak diselaraskan dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) seperti yang telah diputuskan pada tahun 2010 dan 2011.

Maksud soalan Yang Berhormat, permohonan-permohonan ini dinyatakan bahawa ada juga permohonan yang tidak lengkap dokumennya tetapi diterima oleh DBKL. Yes, jawapannya betul. Setiap permohonan memang kita terima tetapi ia akan diproses sewajarnya. Maknanya kalau tidak lengkap, kalau tidak memenuhi syarat dan sebagainya, maka tidak akan diluluskanlah. Maknanya kalau lengkap, itu adalah asas untuk kelulusan diberi.

Kemudian, jawapan disebut di sini, mulai tahun 2010, semua permohonan pemasangan papan iklan perlu melalui Jawatankuasa Permit. Pada ketika itu, memang mungkin ada sedikit kekeliruan tentang nama jawatankuasa sebab yang dirujuk adalah *one-stop center* (OSC) ini adalah satu jawatankuasa yang memproses, yang melihat dari sudut teknikal. Sebab *billboard* ini memang benda yang daripada segi *technically* mesti lulus. Contohnya dari aspek lokasinya, dari segi saiznya, contoh di simpang dan sebagainya. Semua ini akan dilihat daripada segi perancangan dan juga daripada segi teknikal, daripada segi kejuruteraan akan lihat semua ini. Ketika itu jawatankuasa ini dipanggil sebagai Jawatankuasa Permit dan Iklan Bina. Ia tidak disebut di bawah OSC. Jadi maknanya, daripada segi nama itu berbeza tetapi pemrosesannya adalah sama dan anggota dia pula adalah anggota yang sama.

**Tuan Pengerusi:** Ini dipengerusikan oleh siapa?

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perancangan, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib [Datuk Bandar DBKL]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa sekalian. Sebenarnya pada masa-masa yang lepas, sebelum tahun 2010, kebanyakan papan-papan iklan diproses di Bahagian Jabatan Pelesenan dengan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membolehkan permit dikeluarkan kepada papan-papan iklan. Selepas kita menyedari bahawa terdapatnya garis panduan dan juga keperluan-keperluan perancangan, kita telah pun memasukkan kesemua permohonan papan-papan iklan ini di bawah OSC, melihat kepada aspek-aspek perancangan.

Oleh itu kita telah pun menetapkan umpamanya, di bawah garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita sudah ubahsuaikan supaya disuitkan dengan peraturan yang boleh diguna pakai di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Maka Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan garis panduan ini.

Jadi saya melihat, sebelum ini diproses papan-papan iklan tidak melalui pertimbangan kepada perancangan. Oleh sebab itu kita dapati ada papan-papan iklan yang didirikan yang tidak bersesuaian dengan kawasan umpamanya hampir dengan jalan atau *obstruct* bangunan ataupun di *corners* yang sepatutnya tidak boleh dipasang.

So, kita telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Perancangan untuk membolehkan kita melihat dari segi lokasi, estetika.



Dan kemudian keselamatan, fasad *building*, bandar dan juga *environment* serta ada keputusan daripada Exco Tanah iaitu semua lokasi papan iklan di Kuala Lumpur diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam bentuk tol. Jadi kita akan selaraskan ini bagi membolehkan ini dapat dilaksanakan.

Pada tahun-tahun yang lepas, kita dapati sistem kita yang RFID itu tidak berkesan Yang Berhormat sebab ia sudah pun beralih kepada satu teknologi yang tinggi. Dalam fasa pertama SAP, sistem kita, kita tidak boleh memasukkan maklumat sebab RFID itu tidak bersesuaian dan tidak disempurnakan sebab Datuk Bandar yang kesembilan iaitu Tan Sri Puad telah pun menamatkan pada 10 April 2009, bahawa RFID yang *suppose* dipasang tidak digunakan lagi. Jadi sekarang ini kita telah pun masuk fasa kedua. Kita masukkan sistem kawalan dan maklumat ini ke dalam *eLESEN*. Di dalam fasa SP<sub>2</sub> ini kita masukkan dalam *eLESEN*. *So we can catch* maklumat-maklumat yang berkaitan dengan papan-papan iklannya.

Cumanya, kita menghadapi juga papan-papan iklan yang didirikan secara haram. Ini juga satu masalah kita Tuan Pengerusi, kita sekarang dalam proses pemutihan dan kita telah melantik empat kontraktor untuk meruntuhkan papan-papan iklan ini. Ini dalam proses tindakan kita. Cuma satu Yang Berhormat, dalam mengendalikan pendapatan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, lesen papan iklan mengikut nasihat daripada AG, mesti dikutip semasa. Maksudnya berdasarkan bayaran permit semasa dan ia tidak boleh dikutip sebagai tunggakan. Sebab itu walaupun kita tengok tunggakan itu banyak tetapi kita tidak boleh kutip sebab mengikut pandangan AG, permit hanya boleh dikutip dalam tahun semasa. Makna kalau sekiranya dikenakan permit RM20,000, kena kutip pada tahun semasa. Kalau sekiranya telah lepas pada tahun yang selepasnya, dia dikenakan kompaun. Maka, atas alasan ini kita dapati mereka yang tidak bayar itu kalau dilihat daripada segi penilaiannya maknanya, terjadinya tunggakan.

Saya sebagai Datuk Bandar, berpandangan kalau sekiranya kita hendak mengutip tunggakan itu balik berdasarkan kepada jumlahnya, kita kena jadikan kutipan yang sepatutnya dia bayar pada tahun semasa itu, kalau dia tidak bayar pada tahun semasa, boleh dikutip sebagai tunggakan *plus* dengan kompaun. Ini baharu kita boleh kutip tunggakan yang berlaku sebelum ini. Jadi, inilah satu perkara yang memerlukan satu perubahan kepada pandangan kita sama ada kita perlu kutip tahun semasa atau kita boleh pembayaran tidak dibayar itu dianggap sebagai tunggakan *that we can collect* bersama dengan kompaun yang dikenakan pada mereka yang tidak membayar pada tahun semasa. Inilah perkara-perkara yang sedang kita lakukan.

Untuk makluman jawatankuasa PAC, selaras dengan perubahan baharu kepada pertimbangan papan-papan iklan kita, pada tahun 2012 umpamanya, kita menerima permohonan sebanyak 208 untuk mendirikan papan-papan iklan ini. Namun berdasarkan pada pertimbangan perancangan, kita luluskan 52 permohonan sahaja.

Pada tahun 2013, sebanyak 353 permohonan, kita luluskan 81 permohonan sahaja dan pada tahun 2014 setakat ini, kita menerima 205 permohonan, kita luluskan cuma 40 permohonan. *Because we are really very serious about controlling* pendirian papan-papan iklan ini *based on the planning consideration and requirement*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak beri Datuk habiskan tetapi jawatankuasa lain ada apa-apa soalan lain? Saya rasa kita beri Datuk habis dahulu selepas itu baharu kita tanya soalan. *As you are giving your* penjelasan, *we will pick up on the points*. Teruskan Datuk.

■1230

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya Datuk Bandar telah pun menyentuh sebahagian besar daripada lapan soalan yang saya akan bangkitkan satu-satu. Jadi mungkin saya akan sebutkan satu-satu, mungkin yang berkaitan dengan perjawatan tambahan. Yang sudah dijawab itu kita tidak usah ulanglah. Saya akan minta Datuk KP ataupun pegawai-pegawai untuk soalan yang berikutnya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Bandar.

Soalan yang kedua, maklumat yang dijana daripada pangkalan data sistem lesen didapati tidak tepat dan mempunyai banyak ralat. Maklumat pembayaran juga tidak dimasukkan ke dalam sistem ini dan adalah dikendalikan oleh Jabatan Kewangan melalui sistem pengkomputeran SAP, data bayaran tidak boleh diakses melalui sistem *eLESEN* kerana tidak ada migrasi data daripada sistem SAP. Yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Bandar tadi Tuan Pengerusi telah ada sistem *eLESEN* fasa 2 yang baru, yang boleh *capture* semua data yang disebutkan tadi. So, mungkin saya tidak perlu *elaborate* yang ini. *In fact* data-data ini janji DBKL pada semasa perbincangan kita, mereka yakin bahawa sehingga akhir tahun 2014 semua data yang tadi taburan itu akan dapat dihimpunkan di bawah sistem *eLESEN* fasa 2 ini.

Boleh saya teruskan Tuan Pengerusi? Isu ketiga, sistem SP2U dibangunkan bagi menyimpan maklumat asas berkaitan kompaun sehingga kes diselesaikan di mahkamah namun sistem ini didapati hanya merekodkan maklumat mengenai bilangan kompaun dan maklumat asas sahaja tidak termasuk nilai kompaun. Sama juga bila ada sistem yang telah di integrasi tadi, semua isu ini pun telah dapat ditangani dan di *slide* ini kita ada tunjukkan maklumat yang berkenaan maknanya telah dimasukkan di dalam sistem isu kompaun tadi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sistem e-PBT tadi itu pun adalah sistem yang dibangunkan oleh MAMPU kah atau DBKL sendiri?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** DBKL sendiri Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada langsung penglibatan dari MAMPU?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kita di akhir itu kita dapat nasihat Tuan Pengerusi daripada pihak MAMPU jugalah kerana pada pelantikan awal dan kita ada juga sedikit hal-hal yang menyentuh tentang kelewatan e-PBT itu sebab PBT dicuba Seberang Perai kemudian dicadangkan untuk digunakan di Kuala Lumpur.

Oleh sebab skop dan juga liputan sistem di Kuala Lumpur agak luas, jadi kami sampai saat ini masih lagi dalam proses untuk *stabilize the system* tetapi hampir keseluruhannya boleh kita pakai termasuk untuk *dilinkkan* dengan e-PBT.

So saya ingat, kalau dari segi maklumat, *yes* kita sudah pun dapat menjana maklumat mengenai papan iklan. Pada masa yang sama juga sistem yang dipasang oleh *quantum* dulu, kita boleh ambil maklumat-maklumat untuk dimasukkan sekali di dalam ini. Jadi sekarang ini saya rasa yakin dan percaya kalau dari segi sistem maklumat, kita dapat menjana maklumat. Cumanya dari segi proses untuk pemutihan papan-papan iklan itu masih kita lagi dalam tindakan. *We hope that we can settle on these* 140 lebih papan iklan yang haram sama ada dari segi lokasi ataupun didirikan secara haram.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu saya hendak *clearkan* sahaja maknanya sekarang sistem e-PBT adalah yang dibuat oleh MAMPU sekarang hendak diintegrasikan dengan sistem yang digunakan DBKL.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Sistem e-PBT diminta oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk dibangunkan di DBKL berasaskan pengalaman apa yang dibangunkan di Seberang Perai.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya sekarang ini DBKL dalam proses untuk membina sistem inilah?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Sudah hampir selesai Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini tidak adalah?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Sebelum ini tidak ada. Sebelum kita pakai sistem mungkin Encik Omar boleh jelaskan.

**Tuan Haji Omar bin Abas [Pengarah, Jabatan Kewangan DBKL]:** Saya Bendahari Daerah Kuala Lumpur. Sikit penjelasan dulu kita menggunakan SAP tapi mulai tahun 2014 kita telah gunakan e-PBT untuk menggantikan bermakna SAP diganti dengan e-PBT. e-PBT ini kita bangunkan sendiri dan di akhir dibantu oleh MAMPU lah untuk memastikan sistem itu mengikut peraturan yang diguna pakai dan cagar sistem. So sekarang ini kita sedang gunakan mengambil alih SAP. Dengan adanya e-PBT ini masalah-masalah integrasi di antara *eLESEN* dan maklumat kutipan hasil iklan dapat *diupdatekan* secara langsung.

**Tuan Pengerusi:** Yang e-PBT ini dia punya sistem dasar dia tetap SAP lah?

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Tidak, tidak.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Bukan.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Total lain, total lain.

**Tuan Pengerusi:** Dia pakai pembekal mana?

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Sekarang ini kita bangunkan bersama *Associate Century*.

**Tuan Pengerusi:** *Century* bukanlah satu sistem yang mantap untuk *handle accrual accounting*.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Akan tetapi sekarang ini *alhamdulillah* Tuan Pengerusi saya berdasarkan kepada...

**Tuan Pengerusi:** Tidak, percayalah cakap saya. Saya dulu Pengerusi UDA. Saya tahu memang dalam *prosecuted* UDA ditukar kepada *Century* pergi ke SAP atau Oracle. Tidak mengapalah itu nanti kita akan *handle* kemudianlah. Itu *statement* yang saya sudah mula risualah. Tidak mengapalah apa orang kata teruskan Yang Berhormat Datuk.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Isu yang keempat. Jabatan Audit Dalam DBKL telah menjalankan pengauditan terhadap projek BMS pada tahun 2008 mendapati gagal mencapai objektif yang ditetapkan. Projek BMS telah ditawarkan kepada Tetuan Quantum Sigma Sendirian Berhad dengan harga kontrak asal RM1.6 juta dan meningkat kepada RM1.89 juta akibat satu Arahan Perubahan Kerja dan juga lanjutan masa. Sehingga tarikh tamat kontrak kerja APK tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, kepada Unit Iklan tidak dapat menyediakan 157 data iklan yang perlu di tag dan kegagalan syarikat untuk memenuhi keperluan proses kerjanya.

Semasa pengauditan ini, Jabatan Perancang ini di peringkat DBKL memaklumkan sistem tersebut tidak diguna pakai lagi. Mungkin Yang Berhormat Datuk KP boleh hendak jawab? Terima kasih.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz [Ketua Pengarah DBKL]:** Tuan Pengerusi, untuk sistem BMS ini sebenarnya kita hendak gunakan sistem BMS ini adalah untuk *track* segala paparan iklan di luar iaitu kita ada mungkin 400 atau 500 papan iklan. Jadi kita hendak *track* yang mana yang *legal*, yang mana *illegal* itu yang pertama.

Kedua, kita hendak *track* sama ada lesen ini masih- dia sudah bayar atau sudah *expired*. Kita hendak gunakan ini kita pakai *hand held* itu- jadi sistem itu sudah ada. Jadi kita tembak sahaja kita tahulah syarikat apa dan sama ada lesen itu *expired* atau tidaklah. Jadi kita telah gunakan...

**Tuan Pengerusi:** Pakai *tagging*lah?

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Pakai *tagging*, pakai RIFD tag.

**Tuan Pengerusi:** Pakai RIFD tag.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Yang dilekatkan di iklan tersebutlah. Jadi tahun 2006 kita sudah *start* pakai dengan *loading* segala maklumat. Tahun 2007 sistem ini diserahkan kepada kita hingga tahun 2009 lah. Jadi dalam pelaksanaan penggunaan *hand held* dan RIFD tag ini memang timbul isu umpamanya bila kita tembak itu kadang-kadang 30 meter tidak dapat baca. Sebab kadang-kadang ada *interference* dan sebagainya tapi kena sampai dekat barulah dapat baca. Kemudian RIFD tag itu kadang-kadang dia cicir, dia hilang sama ada oleh cuaca atau sebagainya ataupun kadang-kadang kita hendak tembak tempat itu sudah tidak ada lagi lokasi sebab iklan ini kadang-kadang dia dipindahkan ataupun ditukar lokasi kerana tidak sesuailah.

Jadi akhirnya tahun 2009 apabila kita hendak meneruskan Yang Berhormat Datuk Bandar pada masa itu apabila mengkaji sebab Audit bawa benda ini. Sebab Audit kata perkara ini perlu dikaji sebab setiap tambahan itu hendak kena ada tambahan perbelanjaan. Jadi Audit kata ini akan menelan kos yang tinggilah. Jadi Yang Berhormat Datuk Bandar pada masa itu memikirkan mengapa kita asyik hendak bayar sistem ini. Jadi Yang Berhormat Datuk Bandar pada masa itu menghentikan penggunaan *hand held* dan RIFD lah.

Namun begitu sistem BMS itu dari segi penyimpanan data, kita masih menggunakanlah. Jadi segala data yang kita buat banciaan luar itu kita masukkan dalam data walaupun kita tidak menggunakan *hand held* itu. Jadi apabila *times goes on*, kita sudah tidak pakai sistem itu, Audit pun *query* lah mengenai mengapa kita tidak pakai sistem itu. Kita hanya pakai dia punya penyimpanan data, itu sahajalah. Akan tetapi sekarang sistem itu sudah *outdated*. Oleh sebab kita sudah ada *eLESEN* atau e-PBT ini- e-PBT ini kita boleh *share* antara pelesenan dengan kewangan, kita boleh *share* dia punya *information*. Kalau siapa tidak bayar, pelesenan sudah tahu siapa yang tidak membayar, pelesenan akan kejar syarikat yang tidak bayar itu. Dulu kita tidak dapat fasal dulu sistem yang lama itu tidak dapat bacalah, makna pelesenan tidak dapat *info* itu.

#### ■1240

Jadi sekarang ini kita masih menggunakan BMS itu sebagai tempat penyimpanan data yang akan diselaraskan dengan ePBT tadi dan sekarang ini ada sistem canggih iaitu penggunaan *smart phone* itu yang kalau kita ada *smart phone*, kita terus boleh masuk dalam ePBT tadi dan kita boleh baca mana-mana lokasi, mana-mana syarikat yang bayar atau tak bayar- jadi lebih cepat, lebih pantas dan saya percaya *revenue* kita akan meningkat melalui berdasarkan kepada *monitoring* tadi.

Kita pun telah melantik empat syarikat untuk merobohkan paparan iklan yang haramlah Tuan Pengerusi. Namun, kita ada satu lagi *problem* sekarang ini. Paparan iklan yang saiz 10x40 yang lebih kurang 10 kaki daripada tanah itu kita boleh potong dengan senang. Ini yang *unipole*, *twin pole* yang besar-besar ini rupanya syarikat itu pun tak mampu. Difahamkan untuk menurunkan itu perlu *sky masters*, perlu *engineering* yang mungkin menelan belanja RM50,000 ke RM100,000. Jadi kita sedang memikirkan kalau ada haram yang *unipole*, *twinpole* itu bagaimana kita nak turunkan. Jadi saya di peringkat DBKL sedang memikirkan untuk mencari jalan bagaimana nak memotong yang *twinpole and unipole* itulah.

Jadi dari segi kawalan pelesenan iklan ini, saya rasa dari segi bayaran itu kita dah dapat monitor melalui ePBT tadi. Dari segi penguatkuasaan pun kita dah ada. Cuma sekarang nak penguatkuasaan nak menurunkan iklan-iklan yang besar itu kita sedang fikirkan Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah macam di kawasan saya dua tiga minggu lepas yang di lebuhraya Pasir Gudang yang iklan itu jatuh di atas jalan. Bila tanya PBT di Johor, MBBB kata iklan itu sebenarnya iklan yang haramlah.

Akan tetapi, saya kata macam mana boleh naik? Iklan itu pula dia tak ikut *spec*, maknanya berat iklan itu. Itu yang bila dah lama nanti, bila dah tak *check*, tak periksa dia punya ikatan itu, skrunya, dia punya besi itu, makin lama makin berkarat, makin longgar, kena tiup angin jatuhlah.

Itu pun isu dalaman DBKL yang seperti Datuk sebut tadi macam mana *unipole* itu boleh diluluskan kan? Sekarang ini pula ada timbul masalah dah dapat tahu iklan itu haram, nak turunkan pun jadi masalah. Jadi daripada penerangan Datuk bagi tadi, saya rasa ini langkah penambahbaikan yang baiklah. Yang lama-lama itu tolong selesaikan lah. Akan tetapi, yang akan datang saya harap tak berlaku lagilah iklan yang haram. Selepas itu iklan *unipole* pun boleh iklan yang haram, itu saya rasa lepas ini kita tak mahu tengok lagilah perkara ini berlaku lagi di PAC lah.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Tuan Pengerusi, kita telah membuat banciaan, kita telah selesai membuat banciaan dan kita telah mengenal pasti lokasi iklan-iklan haram dan kita pun telah diarah oleh KPKT untuk memeriksa iklan-iklan yang sedia ada sama ada selamat atau tidak. Kita akan mengambil tindakan terhadap iklan-iklan haram tadi sebab kita ada beberapa alternatif lah sama ada kita hendak bawa iklan-iklan haram ini ke jawatankuasa OSC dari segi skim pemutihan tadi ataupun kita merobohkan mana-mana tapak yang tidak sesuai dan tidak mengikut garis panduan itu kita akan terus mengambil tindakan merobohkan. Yang ini adalah perbincangan dalaman berserta dengan KPKT dan jabatan penguatkuasaan kita.

**Tuan Pengerusi:** Antara langkah untuk nak link ke jabatan lesen dan pengawalan itu supaya kutipan lesen itu *up-to-date*, itu baguslah. Saya pun hairan yang sebelum ini tak pernah ada ya? Sebelum ini buat secara manual kot. Akan tetapi, itulah masalahnya dari segi pemantauan itu masih lagi perlukan *human intervention*. Maknanya penguat kuasa DBKL kena pergi tengok lokasi iklan itu dan buat pengesananannya lah kan.

Tidak ada sistem lain kah yang macam boleh pakai *mapping system* yang boleh kenal pasti di mana lokasi iklan-iklan ini dan ia *live* dalam sistem. Jadi senang di peringkat HQ pun dalam sistem ada dah lokasi-lokasi ini. Jadi maknanya penguat kuasa pun tak boleh nak tutup mata juga. Fasal isunya lesen ini dia setahun saja kan? Lepas setahun macam AG kata tadi dah luput lah kiranya, dah tak boleh *collect* lagi kan.

Jadi kalau ada *gap* di antara penguatkuasaan nak kesan iklan-iklan ini apa semua ini, iklan yang betul dengan iklan yang haram lah kan, kalau dalam masa setahun itu mereka tak pergi kesan, maknanya hasil kutipan cukai itu akan terlepas lah. Jadi saya pun tak tahulah, ada tak sistem lain yang boleh di HQ itu sendiri nampak lokasi macam boleh buat *mapping* kan? Boleh nampak lokasi di mana iklan itu berada.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Hj. Talib:** Tuan Pengerusi di bawah OSC2, di bawah bila kita letakkan di bawah *planning*, memang *planning very comprehensive kind of* dia punya maklumat. Kita boleh masukkan terus kepada *planning because* macam kita ada buat banyak *layers of planning* itu salah satunya ialah bahawa papan iklan ini.

Oleh sebab itu bila kita pertimbangkan kelulusan-kelulusan papan iklan di bawah OSC2, kita melihat juga dari segi yang saya kata tadi termasuk juga struktur dan sebagainya.

Cuma untuk maklumat Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sekarang ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai- memang ada papan iklan yang didirikan secara haram dan papan iklan yang tidak mematuhi garis panduan yang ada sekarang. Oleh sebab apabila kita menerima daripada KPKT, kita dah ubah sesuaikan sikit dengan keperluan dan keadaan di DBKL. Sekarang ini kita juga dalam proses untuk membuat pemutihan dan nak mencadangkan tapak-tapak yang sesuai bagi mengalihkan papan iklan ini. Ini mengambil masa sedikit.

*Alhamdulillah*, pihak Exco Tanah dua tahun lepas kalau tak silap saya, telah pun bersetuju untuk memberikan TOL kepada DBKL bagi membolehkan mereka menentukan tapak-tapak yang akan dijadikan tapak papan iklan. Jadi saya dan pihak pengurusan tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun membuat keputusan supaya kita melantik *private surveyors* untuk mencari tapak-tapak yang sesuai dan kita akan membuat permohonan kepada PTG secara *in block* untuk membolehkan kita menawarkan sebagai satu sistem *bidding* kepada syarikat-syarikat yang berminat dan termasuk juga mengganti tapak-tapak yang tidak sesuai dan tidak mematuhi peraturan mendirikan papan-papan iklan kita ini.

**Tuan Pengerusi:** DBKL akan kenal pasti tapaknya, minta TOL dengan Jabatan Tanah dan selepas itu buat *bidding* kepada mana-mana syarikat yang nak dirikan papan tanda.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ya. ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu lebih teratur lah dia punya cara daripada ad-hoc kenal pasti tanah ini, tanah ini. Baguslah. Itu bagus Datuk.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Tuan Pengerusi dari segi *enforcement* juga setakat ini kita telah berjaya merobohkan 127 papan iklan yang haram, yang tidak mematuhi garis panduan dan yang tidak bayar lesen. Setakat daripada Januari hingga September- 127 paparan iklan yang *free standing* itu telah kita turunkan.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Pertama sekali terima kasihlah penjelasan yang cukup mendalam. Memang pun di sini dituliskan kalau *over the period of three years*, kalau nak kira pendapatan ini hanyalah *I think 1% over the your operating revenue*. Akan tetapi itulah apabila disebutkan *non collected RM228 million, it was a bit alarming*. Cuma saya nak tanya yang lesen ini dia punya *validity duration* berapa lama? Adakah ia sekali dan sampai bila-bila kah ataupun dia perlukan *renewal*?

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Yang Berhormat, ikut oleh sebab PEMUDAH telah membenarkan lesen premis dan lesen iklan ini di *renew* sampai tiga tahun, dia boleh dibuat sekali gus sampai tiga tahun. Akan tetapi, tak semua orang *renew* sampai tiga tahun lah. Ada yang setahun, ada yang dua tahun, ada yang tiga tahun.

Jadi sekarang ini oleh sebab dah ada sistem ePBT tadi yang mana Jabatan Pelesenan-petugas-petugas Jabatan Pelesenan boleh monitor mana yang bayar lesen dan tak bayar lesen, jadi agak sukar untuk dia lepas. Kalau dulu dia boleh lepas lah. Akan tetapi sekarang ini petugas akan melihat katakan 400 pelesenan tadi sama ada dia bayar atau tidak bayar berdasarkan kepada tempoh *date* dia itulah.

■1250

**Datuk Seri Reezal Merican:** Jadi maknanya, di situ ada *window* untuk buat sama ada yang sebagaimana yang Datuk Bandar sebut tadi. Apabila ada *renewal* itu, maka penalti boleh dikenakan bagi memungkinkan kutipan tunggakan berlaku. *I bet total RM28 million* ini mungkin akan membabitkan premis-premis yang berada di tempat lain sama. Demikian juga dibentangkan apa yang ditemui audit, ada papan-papan tanda yang kelulusannya tahun 1992, tahun 1997 di Jalan Pantai Baharu sampai sekarang masih lagi ada. *I think that one nampak a bit of* agak terlepas pandanglah saya rasa.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ini Yang Berhormat, pada tahun 1992 kalau tidak silap saya, saya cakap Seni Jaya telah mendirikan papan iklannya di atas kawasan yang hendak dibuat pelebaran jalan. Jadi, bila kita keluarkan notis kepada Seni Jaya, dia bersetuju untuk menurunkan. Dia memang turunkah, selepas itu dia tidak diri lagi sudah. Jadi, maklumat di sini tidak begitu tepatlah sebab sampai sekarang pun tidak ada papan iklan itu. Jadi, kalau...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Akan tetapi kita ada gambar ini.

**Tuan Pengerusi:** Audit, bagaimana audit? DBKL kata tidak ada...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Gambar ini diambil pada 24 September 2013.

**Tuan Pengerusi:** Ini daripada pencarian audit gambar itu.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Tuan Pengerusi, saya ingat ini merujuk kepada soalan kelima sebenarnya yang disebut ini.

**Tuan Pengerusi:** Tidak sampai lagi?

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Kalau boleh izinkan saya jelaskan sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Datuk *reverse* balik, selepas itu kita bentang balik soalan bila sudah sampai soalan 5 nanti.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Ya, sebenarnya Seni Jaya ini memang telah diberikan kelulusan iklan oleh DBKL, itu paparan semuka. Kemudian, ketika itu berlaku pemindahan. Dipindahkan sebab kawasan itu digunakan untuk terlibat dengan pelebaran Lebuhraya Persekutuan. Ini Taman Kerinchi Yang Berhormat. Jadi sepatutnya DBKL pada masa itu tarik balik lesen, batalkan lesen menunjukkan bahawa ia tidak lagi beroperasi. Akan tetapi ini tidak berlaku dan syarikat Seni Jaya ini berpindah ke tapak lain, tapak persendirian ataupun difahamkan milik JPS. Maknanya di luar bidang kuasa DBKL.



Akan tetapi rekod menunjukkan bahawa seolah-olah masih *appear* di situ. Ini yang dibangkitkan oleh Audit, mengapa tidak dikutip daripada tempoh tersebut sehinggalah ketika ia masih beroperasi sedangkan di tapak itu sudah tidak beroperasi, dia sudah pindah ke tempat lain.

**Tuan Pengerusi:** Audit, gambar yang *you* ambil itu gambar tahun berapa?

**Puan Mona Othman:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Samakah dengan apa yang dimaklumkan KSU ini?

**Puan Mona Othman:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Sebenarnya Tuan Pengerusi, Seni Jaya ada membuat perkiraan dengan *private owner* untuk memindahkan tapak. Akan tetapi akhirnya pada satu ketika dia bergaduh dengan *private owner* itu, sudah masuk ke mahkamah. Kes mahkamah antara operator dan tuan tanah. Sampai saat ini tidak didirikan dan tunggakan itu tidak- kita tidak ada tunggakan sebenarnya sebab dia tak diri dah waktu itu.

**Tuan Pengerusi:** Saya pun sudah mula *confuse*. Kita pun sudah lompat agenda ini. Sepatutnya kita habiskan yang sebelum ini dahulu, tetapi tidak mengapalah. Memandangkan kita sudah di sini, kita *settle* yang ini. Selepas Datuk hendak patah balik, boleh patah baliklah kepada isu yang awal lagi. Tidak, cuma ini *unipole*. Audit kata ini *unipole* ataupun *billboard*?

**Datuk Seri Reezal Merican:** Ini sebenarnya yang saya bangkitkan tadi ini bukan *unipole*. Dia ada dapatan daripada Audit, ada dua *billboard*. Satu di Jalan Ipoh-Jalan Segambut, satu di Jalan Pantai Baharu simpang hendak masuk UM. Di situ *billboard*, bukan *unipole*. Dia punya lesen dikeluarkan yang ada di situ, mereka ambil gambar dan *they magnified*kan. Dia tulis sini 1992, seakan-akan tidak ada *renewal*. Apakah dalam tempoh semua- oleh sebab itu saya tanya *renewal every three years*. Apakah *there is lost of income* daripada sini? Kalau jangka daripada tahun 1992 hingga sekarang, itu yang saya sebutkan tadi mungkin terlepas pandang agak banyak jugalah itu.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Tuan Pengerusi, saya ingat saya minta pegawai-pegawai yang tahu tentang ini. Boleh bantu?

**Puan Mona Othman:** Syarikat itu adalah CSSB, bukan Seni Jaya.

**Tuan Pengerusi:** Datuk jawab syarikat lain. Jadi macam...

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Betul Tuan Pengerusi. Isu yang dibangkit ini di Kerinchi, yang saya bangkit ini di tempat lain lagi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. Sekarang ini, isu audit mana ini? Hendak pergi balik isu audit mana? Isu yang 5.4.2 ataupun poin yang lain, Audit mana satu, isu mana, isu Audit?... Ini isu mana? Isu 5.4.2 ataupun isu yang lain?

**Puan Mona Othman:** Ini kita merujuk dia tidak ada mengehendkan tempoh tertentu.

**Tuan Pengerusi:** Bawah butiran mana isu audit *you*? Lagi senang untuk DBKL hendak jawab soalan.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Tuan Pengerusi, saya ingat apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Reezal tadi adalah mengapa papan iklan DBKL tidak ada tempoh, katakan 3 tahun atau 5 tahun. Betul begitu Datuk Seri?

**Datuk Seri Reezal Merican:** Dia ada tempoh. Kebetulan dia tulis, kalau saya boleh beri sekejap lagi, dia ada gambar ini kemudian dibesarkan, di bawah itu ada tulis tarikh bukan. Tarikh itu dia tulis tahun 1992. Gambar ini diambil pada bulan Disember 2013 oleh Audit. So andaian saya, kalau tidak betul, tolong betulkan, seakan-akan terlepas pandanglah, tidak ada *renewal* yang berlaku di sini, dan apakah tidak ada kutipan dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, kita beri salinan audit *report* ini merujuk kepada perkara tersebut. *Page* berapa itu?

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Page 15.*

**Tuan Pengerusi:** *Page 15.*

**Datuk Seri Reezal Merican:** Bukan *page 15.* Perkara 15, dia tidak ada *paging* ini. Item 15.

**Tuan Pengerusi:** Ini di bawah tajuk dia kata itu, '*Tempoh Kelulusan Tapak / Lokasi Tidak Dihadkan: Terdapat Tempoh Paparan Iklan Luar yang Melebihi 11 tahun ke 23 Tahun*'. Slaid nombor 15 itu.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Minta Encik Rolan Pengarah Bahagian Lesen, kalau boleh terangkan.

**Encik Rolan bin Haji Abdul Rahman [Pengarah, Jabatan Pelesenan & Pengurusan Penjaja DBKL]:** *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi. Sebenarnya dari segi tarikh di *billboard* itu, sebenarnya nombor fail ini kalau selagi kelulusan itu ada, nombor fail itu akan kekal mengikut tahun yang berkenaan sebab itu memang dalam rekod sebegitu. Jadi kalau nombor fail itu kata tahun 1992, nombor fail memang tahun itu di *billboard* akan kekal sehingga sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Itu nombor failah, tetapi mereka bayar atau tidak bayar ini?

**Encik Rolan bin Haji Abdul Rahman:** Bayar, biasanya kita pantaulah. Memang...

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Masalahnya audit kata mereka tidak bayar. Tidak, bukan. Ini saya fahamlah. Sistem sebelum ini manual, sekarang ini hendak pergi kepada sistem komputer bukan. Ini PAC kita boleh maafkan walaupun ada kealpaan, saya rasa. Akan tetapi selepas ini tidak ada maafkah kalau ada isu-isu begini timbul lagi. Walaupun tadi betullah saudara kata itu adalah nombor fail, tetapi kita hendak tahu juga sama ada iklan itu betul-betul dibayar atau dari tahun 1992 tidak bayar.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Yang Berhormat, kami ambil maklum pandangan ini. Saya pun percaya mungkin terlepas pandang dan sebagainya. Ini isu yang mendatangkan kerugian kepada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan. Kelima, tadi saya sudah sentuh sedikit. Maknanya syarikat ini tidak lagi beroperasi atau tidak mempunyai *billboard* di situ walaupun dia bertukar kepada bentuk *unipole*.

Akan tetapi maknanya dari segi rekod masih lagi wujud, tetapi dari segi *physically* dia tidak ada di situ lagi. Dia sudah pindah tempat lain, maknanya itu antara syarikat dia dengan pemilik tapak yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya DBKL perlu bersihkan rekod dalaman jugalah. Fasal benda-benda begini audit akan *pickup* sebab dia masih lagi dalam rekod DBKL. Sepatutnya kemas kini maklumat ini perlu diadakan.

Satu lagi, tadi saya teringat hendak sebut. Kalau kerajaan melancarkan dasar akaun akruan, benda-benda begini mesti tepat. Tidak boleh lagi ada maklumat yang tidak dikemas kini dan sebagainya. Kalau tidak nanti akaun DBKL akan tidak... [Disampuk] DBKL ada akruan? Lagi tidak boleh maaf. Bagaimana DBKL sudah amalkan akaun akruan, tetapi tidak *update* maklumat? Ini PAC pandang serius mengenai perkara ini.

■1300

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Bendahari ada apa-apa hendak disampaikan?

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Terima kasih Datuk. Untuk makluman Tuan Pengerusi, akaun DBKL memang mengamalkan akruan basis tetapi dalam konteks lesen ini kita ambil *cash basis* sebab kita berpandangan bahawa lesen adalah untuk tahun semasa seperti mana yang Datuk Bandar kata. Jadi kalau dia tidak bayar lesen, kita kenakan kompaun dan bukannya tunggakan lesen. Ini kerana AG juga telah mempertikaikan perkara ini. Dulu kita hanya sebagai peringatan lesen tidak dibayar. Kalau kita anggap sebagai akruan, dari segi prinsipalnya saya rasa tidak begitu tepatlah sebab ia lesen. Kecuali kalau cukai pintu, kalau dia tidak bayar, memang kita anggap sebagai hutang yang perlu dijelaskan. Kalau lesen ini, dia hanya sebagai lesen yang perlu dibayar pada tahun semasa. Kalau tidak dibayar, perlu diambil tindakan menggunakan kompaun. *That's why* sebab itu kita...

**Tuan Pengerusi:** Daripada akruan punya prinsipal senang sahaja, bila *you* sudah bagi kelulusan untuk hendak kutip lesen, ia sudah jadi satu aset kepada *you*. So bila habis tempoh setahun itu, kalau tidak kutip juga ia perlu di rekod juga sebagai hasil yang tidak dikutip. *You* tidak boleh kata untuk kutip hasil iklan ini, *you* pakai *cash accounting* punya basis. Itu tidak konsisten itu. *You* tidak boleh pilih mana *treatment account* yang *you* hendak pakai *cash accounting* dan mana *treatment account you* hendak pakai akruan. *You* kena pakai semua akruan walaupun AG kata begitulah. *Attorney General* bukan *Accountant General*.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kalau kita boleh *review* balik Tuan Pengerusi, barangkali ini akan jadi satu kekuatan juga kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebab setakat ini kita memang *follow* apa yang telah dinasihatkan oleh pihak AG bahawa kita- memang kalau dari segi rekod memang tunggakan tetapi kita boleh kutip melalui kompaun sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya sekarang ini kalau Audit buat *financial statement*, DBKL kalau begini boleh kena komen.

**Seorang Ahli:** Tidak *reported*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak *reported*lah. Sepatutnya di rekod kerana kalau you pakai dasar akaun akruan, you kena *report* benda ini. Kalau tidak nanti you punya *report* kena teguran. *Report* DBKL kena teguran selepas ini. Jadi saya harap perkara ini macam Datuk Phesal kata selesaikan dengan AG dan pakai akaun akruan secara menyeluruhlah. Daripada ada sesetengah *treatment* dia pilih *cash accounting*, sesetengah *treatment* pilih *accrual accounting*. Selaraskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kita akan cuba itu, Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Tuan Pengerusi, saya teruskan yang keenam. Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (PBKL) telah mendirikan papan iklan *unipole* di kawasan rizab sungai yang dikawal selia oleh JPS tanpa mendapat kelulusan. Isunya di sini, pertamanya tapak itu bukan milik DBKL tetapi di bawah pihak berkuasa lain. Namun demikian, DBKL mengambil inisiatif tindakan proaktif iaitu akan mengadakan mesyuarat dengan pihak JPS. Maksudnya hendak *legalize* benda ini. Hendak nasihatkan JPS supaya minta pengiklan ini masuk balik secara *proper*. Mesyuarat akan diadakan pada 30 Oktober akan datang dan ia melibatkan jawatankuasa ini. Melibatkan JPS dan juga ROL untuk menyelesaikan isu ini.

Isu terbesarnya mungkin di luar radar DBKL lah sebab di kawasan tanah orang lain. Ini antara JPS. Mungkin esok di bawah pemilik lain-lain MRT dan sebagainya. Tuan Pengerusi, ini untuk maklumanlah.

**Tuan Pengerusi:** *River of Life* ini sudah macam swasta bukan, kawasan tepi sungai ini. Saya pun tidak faham. Saya tengok sana sini banyak iklan *River of Life*, *River of Life* tetapi sudah dipagarkan dan sebagainya tetapi saya tidak tahu siapakah pihak yang berkuasa dalam hal ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Hj. Talib:** Kalau dari segi sungai, Tuan Pengerusi, adalah di bawah JPS. Masa kita bagi kelulusan kepada Persatuan Bola Sepak, memang ada niat untuk menambahkan hasil kepada Persatuan Bola Sepak *subject to* kebenaran daripada tuan tanah tetapi Persatuan Bola Sepak ini dia pergi terus buat termasuklah atas rizab JPS. So, sekarang ini JPS telah pun memberikan pandangan dan komen kepada kita oleh kerana rizab sungai minimum mesti 10 meter dan untuk koridor 30 meter.

Jadi kita sedang selaraskan. Sebab itu kita akan adakan mesyuarat dengan JPS untuk menentukan sama ada papan iklan itu perlu dikeluarkan *because this is the part of our initiative and our program to make sure that this river* akan dibersihkan untuk dijadikan kawasan yang aktif.

**Tuan Pengerusi:** Selepas perancangan DBKL untuk menentukan lokasi-lokasi yang sesuai didirikan papan iklan ini, perkara macam ini tidak berlaku lagilah di mana kebenaran untuk papan iklan diberikan atas tepi tanah sungai. Begitulah yang kita boleh faham.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Saya pun sudah minta semua bahagian perancang, Tuan Pengerusi, untuk seperti yang saya katakan tadi melantik juru ukur swasta bagi mempercepatkan penentuan kepada tapak-tapak yang *potential to be offered* balik kepada mana-mana yang memang telah diberi permit tetapi tidak mematuhi dari segi peraturan peletakan papan-papan iklan termasuklah di pinggir sungai.

**Tuan Pengerusi:** Dulu *ad-hoc* sekarang sudah teraturlah ya? Jadi *River of Life* ini masih lagi di bawah DBKL lah dari segi pelaksanaan?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Hj. Talib:** Dari segi peruntukan, memang diletakkan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur *but the responsible department*, sungai di bawah JPS.

**Tuan Pengerusi:** Tidak diswastakanlah?... [Ketawa]

**Datuk Seri Adnan bin Hj. Md Ikhsan:** Tuan Pengerusi, soalan ke tujuh, lapan dan sembilan sebenarnya adalah berkaitan dan ada persamaan. Sebenarnya semua isu ini telah pun dijawab secara tidak langsung. Cuma saya boleh rumuskan antara perkara yang disebutkan di sini ialah kutipan tunggakan cukai. Tunggakan hasil tadi tidak dibuat. Isu tunggakan dengan kompaun itu yang ditimbulkan di sini. Kelapan, dikatakan juga ada kutipan dibuat- tindakan hanya melalui operasi penurunan terhadap paparan iklan luar yang didirikan tanpa mendapat kelulusan sahaja dan tidak termasuk papan iklan luar yang tidak dibayar lesen. Jadi ini pun jawapannya tadi, maknanya kita tengah *legalize*, tengah tengok, kumpulkan semua maklumat. Ada berapa semua *billboard* yang *illegal* dan sekarang ini kita hendak *legalize*. Itu untuk yang kelapan.

Kesembilan pun sama juga. Nilai kompaun tidak dikenal pasti. Balik-balik tadi jugalah. Kompaun-kompaun yang tidak dikutip dan sebagainya amaunnya berubah-ubah bila you tidak pasti, memang begitulah. Melalui sistem yang diintegrasikan tadi, kita berharaplah, kita sebut tadi menjelang akhir ataupun hujung tahun ini, semua data ini dapat kita *capture* dan tiga isu ini, soalan tujuh, lapan dan sembilan akan dapat diselesaikan, Tuan Pengerusi.

Mungkin ada di kalangan pengarah hendak tambah maklumat, Datuk, ada?... [Merujuk kepada Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz] Datuk Bandar? Tuan Pengerusi, sebenarnya itulah skop yang kita bincangkan dan diterima oleh Audit. Saya harap kalau boleh izinkan untuk meneruskan tiga isu lain yang tadi disebutkan. Saya akan teruskan.

Tiga soalan. Peranan Unit Audit Dalam di DBKL. Saya minta *team* Datuk Bandar.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Masa ini, kita telah pun cuba mengukuhkan Unit Audit Dalam.

**Tuan Pengerusi:** Ada?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ada, memang ada. Memang tetapi dia punya berdasarkan kepada *quantum* dan juga kepada bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melebihi daripada RM2 bilion. Dia sama macam *equivalent to 56* punya bajet. Sekarang ini dipimpin oleh W48, Tuan Pengerusi.

## ■1310

**Tuan Pengerusi:** Itu macam kerani audit sahaja... [Ketawa]

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Saya telah pun berbincang dengan Ketua Audit Negara. dia pun berpandangan bahawa dia boleh membantu untuk meyakinkan JPA untuk dipertimbangkan bagi pengukuhan Juruaudit Dalam daripada segi pimpinan dialah. Mulai tahun lepas Tuan Pengerusi, pihak pengurusan tertinggi telah menubuhkan 53 kumpulan pemantau terdiri daripada pelbagai jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk meneliti di bawah pimpinan Ketua Audit Dalam untuk meneliti prestasi pelaksanaan projek-projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Saya sendiri mempengerusikan pembentangan akan perkara-perkara yang menyentuh tentang bidang kuasa yang telah pun diperuntukkan kepada Juruaudit Dalam bagi membolehkan *correction* dapat dibuat ataupun tindakan diambil bagi mana-mana pelaksanaan projek yang telah ditemui oleh pasukan pemantau ini bagi membolehkan kita membuat tindakan-tindakan pembaikan dan sebagainya. Jadi kita mengukuhkan dan dalam cadangan untuk penerusan semula ini pun kita sudah masukkan untuk memohon sebagaimana yang disokong oleh pihak Ketua Audit Negara untuk mendapat label yang lebih baik kepada Ketua Audit Dalam kerana peruntukan yang diperuntukkan pembangunan dan mengurus melebihi RM2 bilion kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi:** Kos Unit Audit Dalam untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur senang sahaja. Tidak besar berbanding dengan hasil dengan perbelanjaan. Akan tetapi eloklah sekarang ini kalau Ketua Audit Negara sudah berbincang dengan DBKL. Cuma hendak tanya sahaja, daripada segi struktur itu macam mana? Unit Audit Dalam akan melaporkan kepada Datuk Bandar atau melaporkan kepada lembaga?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ia lapor terus kepada Datuk Bandar, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Datuk Bandar.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Saya sendiri yang mengambil mesyuarat ini.

**Tuan Pengerusi:** Itulah. Akan tetapi ada *dotted line* pada lembagalah?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Yang ini saya tidak pernah turunkan kepada yang lain cuma jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya lembaga DBKL tidak ada Jawatankuasa Audit dia lah? Kalau macam dalam negeri, dia ada PACnya. Setiap ADUN, dia ada PACnya yang memantau apa tingkah laku PBT. Akan tetapi DBKL ini saya tengok struktur dia tamat di DBKL sahaja. Jadi perlu juga daripada segi *governance*, lembaga penasihat DBKL ini ada peranannyalah yang mana jawatankuasa audit boleh ditubuhkan dan sebagainya.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Mungkin apa pandangan Tuan Pengerusi agak tepat. Mungkin kita boleh tubuhkan di bawah Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai ahli *to oversee the* pengurusan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi:** Daripada segi persepsi rakyat, kalau Unit Audit Dalam melaporkan kepada Datuk Bandar, nampak macam tidak *independent*. Akan tetapi kalau daripada segi pentadbiran, tidak apalah. Dari segi pembayaran gaji dan sebagainya itu biasalah. Akan tetapi daripada segi *dotted line reporting* kepada Lembaga Penasihat pun, kepada *Audit Committee* Lembaga Penasihat DBKL pun saya rasa merupakan satu cara jugalah untuk hendak memantapkan *corporate governance* dalam DBKL. Sebenarnya DBKL ini macam korporat juga. *Income* RM2 bilion, belanja RM2 bilion... [Ketawa] Itu macam syarikat besarlah. Syarikat tersenarai pun tidak besar macam ini dia punya bajet.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Untuk makluman Yang Berhormat juga sebenarnya kita di kementerian, audit dalam kita pada Gred 48 walaupun bajet kementerian kita *about* RM1.2 bilion, RM1.3 bilion. Cuma apa yang hendak disebut di sini, kami juga sama-sama memantau dan kita kadang-kadang ada menghantar- saya tahun ini kita hantar dua kalau tidak silap saya *cases* untuk Audit Dalam kementerian untuk buat siasatan di agensi termasuk di Labuan kami hantar Yang Berhormat, dan kita *share* sumber-sumber ini.

Yang Berhormat, saya teruskan pada soalan yang berikutnya. Perolehan IT sama ada mematuhi atau tidak prosedur yang ada. Mungkin beri peluang kepada Datuk KP untuk jawab atau Datuk Bandar hendak jawab. Tender dan sebagainya ini Tuan Haji Omar.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Menjawab tentang segi e-PBT. e-PBT ini *more on finance* punya *area*. Kita memang walaupun tadi Datuk kata Censof itu bukan satu *company*- tetapi dasarnya pembangunan sistem ini memang mengikut sistem yang sepatutnya. Maknanya kita ambil- dahulu sebelum ini kita gunakan SAP. SAP ini *version* yang lama tetapi apabila kita hendak *upgrade* kepada sistem yang baru, kita akan *spent* lagi banyaklah. Sebab itu masa kita buat pemilihan, memberikan e-PBT dengan- tetapi *principle* perakaunan ini memang kita *follow 100%* yang sepatutnya kita lakukanlah. Kita ada Jawatankuasa Dalaman untuk tujuan melihat pemilihan pembangunan sistem ini dahulu. Akhir-akhir ini kita dibantu oleh MAMPU untuk menyelesaikan beberapa isu berkaitan dengan penyerapan sistem. Walau bagaimanapun, sistem ini telah pun kita guna pakai sekarang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak difahamkan, apakah cara perolehan sistem tersebut? Tadi macam tidak berapa terperinci... [Ketawa]

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Masa kita untuk menukar sistem kita telah buat tender terbuka. Kita jemput semua pembekal sistem untuk mengikut *spec* kita, dan kita telah buat secara terbuka. Kalau tidak silap saya pada masa itu hampir enam ataupun tujuh pembekal telah hadir untuk mengikut kontrak.

**Tuan Pengerusi:** Pembekal ini daripada tahap *system installer* ataupun daripada pembekal sistem-itu sendiri?

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Masa itu *both*, kita minta sistem...

**Tuan Pengerusi:** Tidak banyak pembekal sistem pada hari ini...

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Ya tidak banyak tetapi yang datang itu, ada dua, tigalah dan apa yang kita buat ialah apabila mereka menghantar dan kita sendiri membuat lawatan tapak kepada setiap pembekal-pembekal yang berjanji untuk mengadakan, atau yang sanggup mengadakan sistem dan pada masa itu kita telah buat penilaian. *Among them* pada waktu itu, kita lihat Censof yang nampak dapat mengatasi lain-lain pihak.

**Tuan Pengerusi:** Pasal tanya begini, sistem *Century* ini ia lebih kepada *cash accounting* punya *basis*. *I know. That is why* SAP dengan Oracle selalunya adalah sistem yang diguna pakai dan untuk DBKL yang mempunyai bajet yang begitu besar ini, RM2 bilion jadi maknanya sistem yang lebih canggih, lebih mudah, lebih senang hendak integrasi ini, lebih sesuai. Pasal apa daripada segi besarnya operasi DBKL ini sendiri. Semua hendak kena *integrate*.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Saya faham Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Pasal saya di UDA pun sama masalahnya. Bila hendak tukar sistem, *staff account* ini lebih senang dengan sistem *Century* pasal dia sudah berpuluh tahun pakai sistem itu. Akan tetapi sistem itu hanyalah untuk *produce* laporan-laporan akaun. Bila saya cuba cakap dengan mereka bahawa sistem yang perlu dalam UDA sekarang ini kalau hendak di *business* kena *management information system which is bigger than just the financial accounts*. Itu susah untuk mereka hendak faham pasal mereka sudah biasa dengan sistem yang sedia ada yang sediakan laporan kewangan sahaja tetapi kalau mereka hendak pindah pada sistem yang memberikan maklumat kepada pengurusan, *management information system*, itu mereka susah hendak terima. Balik-balik jawapan yang diberikan ialah kosnya mahal tetapi kos mahal di peringkat depan, *upfront cost*.

Akan tetapi kalau *management information system* itu yang baik, yang boleh tutup segala *loophole* yang ada, itu akan *save monitor*, perbelanjaan syarikat dan akan menutup *loopholes*, yang ada untuk hendak diselewengkan dan sebagainya. Akan tetapi susah orang yang hendak faham benda itu. Jadi, Dato' ya?... [Bertanya kepada Tuan Haji Omar] Belum Dato' lagi, okey *insya-Allah...* [Ketawa] Tuan Haji kata tadi sistem *Century*, saya terus tangkap benda itulah. Pasal *Century* ini selalunya dia *cash base* selepas itu baharu dia hendak pergi ke arah *management information*. Berbanding dengan SAP dan Oracle, dia memang *management information system* dan *financial reporting* ini hanya salah satu modul dalam sistem tersebut.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Apakah perbezaan kos antara sistem *Century* dengan Censof yang kita telah tawarkan berbanding dengan kalau kita *upgrade* sistem SAP tersebut?



**Tuan Haji Omar bin Abas:** Saya tidak boleh hendak *quote the exact figure* tetapi antara isu yang kita beralih dahulu pertamanya, masa kita gunakan SAP yang *version* awal itu, ia terlalu *close*. Maknanya data-data yang kita hendak *integrate* dengan *eLESEN* fasa satu dahulu, sangat sukar pada masa itu.

■1320

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Memang benarlah?

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Terlalu *close*.

Kemudian, yang keduanya dari segi kos SAP ini dia akan dikenakan lesen ikut *user*. Okey makin besar *user* kita, makin besarlah yang kita kena bayar tiap-tiap tahun. Dengan adanya sistem e-PBT ini *usemya unlimited*. Maknanya semua orang boleh gunakan. Dulu semasa SAP penggunaan *online* sistem untuk jabatan terhad kepada kalau tidak silap saya lapan jabatan. Sekarang ini kita, semua jabatan harus menggunakan sistem ini. Sekarang ini maknanya seluruh jabatan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan sekarang *still* menggunakan e-PBT ini.

Jadi *that's one of the reason*. Kos yang kita belanjakan sekarang lebih kurang RM11 juta termasuk *software* dan *hardware*. *Compare* dengan SAP, saya rasa kalau ikut hampir RM30 juta pada masa itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya setuju bahawa kos SAP memang lebih mahal dan mengikut pengguna. Itu selalunya yang menjadi halangan bagi syarikat ataupun badan untuk penggunaan SAP. Namun SAP sekarang tidak sama dengan awal, juga isu integrasi memang benar bagi sistem awal itu, ia tidak boleh *integrate*. Susah hendak *integrate* kerana platformnya memang *close*. Akan tetapi SAP hari ini tidak sama dengan SAP dulu, juga sekarang ini pula sudah terbuka juga itu sistem pilihan.

Boleh tak mungkin oleh sebab banyak perkara mungkin tidak ingat bagi kertas *evaluation maybe can submit the copy for PAC* bagi rekod supaya kita tahu, apakah sebab *senses of* dipilih berbanding dengan pertender yang lain. Saya rasa bukan SAP sahaja yang dapat tender. Yang lebih murah selalunya orang pakai sistem *Oracle* dan lain-lainlah yang pernah diguna pakai. *Just for a matter of record*, sebab DBKL menggunakan *sense on...*

**Tuan Pengerusi:** Daripada tahun berapa? Pasal bila DBKL...

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Kita *start* mulakan pada tahun 2014.

**Tuan Pengerusi:** Oh maknanya baru lagilah.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Baru-baru.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *fresh* lagilah.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** *Fresh* lagi. Pembangunannya *almost done* hampir masa 4 tahunlah.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya yang penting sekarang ini sebenarnya kerja Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kerja dia dulu sistem *integrator*, jadi dia faham.

Dan saya rasa dia hendak tengok juga *the user requirement* dan sebagainya adalah dokumen itu kalau ada. Jadi maknanya betul-betul kita boleh nilaikan sama ada *management information system*, *financial system* yang digunakan oleh DBKL ini menepati *user requirement*lah. *User requirement*, maknanya macam mana hendak menguruskan bajet, macam mana hendak kutip hasil dan sebagainya. Itu kalau bolehlah beri kepada kita. Tebalkah dokumen itu? Dia tidak tebal sangat.

**Tuan Haji Omar bin Abas:** Kita boleh cerita *overall* tentang e-PBT, *more or less* kita menggunakan lebih kurang 33 modul, ada detailnya, tapi saya nampak modul itu lebih besar daripada SAP lama yang kita pakailah, *just wonder*.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi *the original user requirement* dokumen itu dan sebagainya, *Executive Summary* pun tidak mengapalah. Okey dia hendak baca dia *expert* dia lebih tahu dia hendak baca saya serah kepada dialah. Okey, Yang Berhormat Datuk boleh sambung.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan yang terakhir perbelanjaan pembangunan penyelenggaraan yang disediakan bajet tahunan oleh DBKL antaranya Yang Berhormat sebut tadi tentang isu banjir, jalan-jalan berlopak dan sebagainya. Saya akan minta Yang Berhormat Datuk KP menjelaskan yang ini. Cuma isu penyelenggaraan sebenarnya biasanya Tuan Pengerusi untuk PBT memerlukan belanja yang besar: pertama jalan, kemudian bangunan DBKL dan bangunan-bangunan. Banyak bangunan rumah kos rendah dan sebagainya perlu *dimaintain*. Lif pun- kalau satu lif pun makan puluhan ribu hendak gantikan itu.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini rizab DBKL ada berapa sudah? Berapa banyak duit DBKL?

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** RM4 bilion.

**Tuan Pengerusi:** RM4 bilion. Besar itu.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Tuan Pengerusi adalah duit yang tidak boleh dipakai sebab deposit.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah saya faham... *[Ketawa]* DBKL ada juga duit. MBBJ lagi tenat pasal apa sudah habiskan duit simpanan itu... *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia daripada awal lagilah hendak tahu, macam mana dia boleh gunakan wang di dalam DBKL. Saya ingat dia...

**Tuan Pengerusi:** Ini soalan sangka buruk ini Yang Berhormat.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan DBKL setiap tahun sangatlah tinggi. Saya rasa tidak kurang pada RM500 juta. Umpamanya penyelenggaraan perumahan sahaja menelan belanja lebih kurang RM100 juta setahun. Untuk kerja-kerja awam dan penyelenggaraan jalan, tidak kurang daripada RM50 juta ke RM100 juta setahun. Penyelenggaraan pokok, penyelenggaraan longkang dan sebagainya, kesemuanya adalah menelan belanja yang banyaklah.

Umpamanya penyelenggaraan perumahan kita mempunyai 80 kontraktor untuk menyelenggarakan 74,000 unit rumah di Kuala Lumpur. Maknanya jalan ini lebih daripada 3,500 kilometer jalan diselenggarakan, dan kita ada panel kontraktor sebanyak 50 panel kontraktor yang menyelenggarakan jalan di Kuala Lumpur. Namun bukan mudah untuk menjaga jalan di Kuala Lumpur Tuan Pengerusi, oleh sebab kita ada banyak pembangunan di Kuala Lumpur yang menyebabkan jalan-jalan kita rosak. Jadi kerja-kerja penggalian yang dibuat oleh syarikat utiliti seperti Telekom, Tenaga Nasional dan *telco-telco* yang lain ini menyebabkan juga jalan kita rosak. Ini kerana walaupun kita simpan deposit dia itu, tetapi jalan-jalan yang diturap semula itu tidak mencapai tahap yang kita kehendaki.

Untuk pembinaan jalan kita pula, kita mengikut standard IKRAM. Mereka akan *test* kita punya jalan itu sama ada mematuhi atau tidak standard yang dikehendaki. Jadi semua jalan-jalan yang dibina mesti mengikut standard yang telah ditetapkan. Akan tetapi akan berlaku kerosakan apabila ada kerja penggalian, akan ada paip pecah...

**Tuan Pengerusi:** Macam MRT buat sekaranglah.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bintang itu mendapan berlaku di sana sini ya.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Ya Tuan Pengerusi. Jadi faktor-faktor ini akan memainkan peranan juga dari segi penyelenggaraan jalan. Jadi kita mempunyai 50 panel kontraktor yang sentiasa menyelenggarakan 11 kawasan Parlimen tadi dan juga kita ada skuad khas yang mana skuad khas ini umpamanya kita terima aduan dan berlaku lubang itu skuad kita akan hantar iaitu pekerja DBKL dan logistik kita akan hantar dan terus bawa *premix* dan terus tutuplah tapak itu dan akan *repair*.

Jadi oleh sebab kawasan-kawasan di Kuala Lumpur ini ada kawasan rendah dan banyak kawasan-kawasan pembangunan Tuan Pengerusi di mana kawasan-kawasan rendah ini terdedah kepada banjir. Kita juga sentiasa mengadakan perbincangan di peringkat OSC di peringkat jawatankuasa-jawatankuasa pembangunan di mana kita kena *engage* lain-lain *owner* juga untuk bersama dengan kita membina saliran-saliran bawah tanah ini. Sebab ia juga melibatkan saliran-saliran bawah tanah yang mana kalau tidak mempunyai sistem saliran yang baik ia akan memecahkan jalanlah dan itu sebab di Kuala Lumpur ini banyak kawasan-kawasan yang banjir. Banjir besar saya rasa tidak akan berlaku lagi di Kuala Lumpur Tuan Pengerusi oleh sebab ada *Smart Tunnel* dan ada kolam-kolam takungan banjir.

Akan tetapi akan berlaku banjir apabila *intensity* hujan itu terlampau tinggi di sesuatu kawasan dan kawasan-kawasan itu adalah kawasan rendah. Jadi DBKL sentiasa akan membaiki jalan-jalan ini melalui panel kontraktor kita dan juga longkang-longkang kita ini kebanyakan *prewall drain* Tuan Pengerusi. Umpamanya kawasan pusat bandar ini longkang dia sudah cetek sudah sedangkan pembangunan keliling dia sudah begitu besar.

Jadi kita ada program *upgrade* semula atau membina semula longkang ini dan kita memperuntukkan sebahagian besar daripada bajet kita setiap tahun. Saya rasa tahun 2015 kita telah memperuntukkan bajet yang secukupnya untuk kita buat *upgrading* longkang-longkang ini kawasan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail dan kawasan-kawasan pusat bandar inilah kita akan perbaiki terutama lubang-lubang air kita semuanya kecil Tuan Pengerusi. Apabila kita *tarmac* semula dia punya lubang itu sudah tertutup yang ini kita akan buka balik dan kita akan pasang di *outlet* yang baru ini untuk kita memastikan pengaliran air ini berjalan dengan lancar, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Ya, kawasan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw semua Yang Berhormat saya kenal dia ini lebih 30 tahun. Saya rasa berbeza dulu sampai sekarang Yang Berhormat, saya rasa Jalan Kepong itu sendiri saya rasa sudah standard macam kawasan pusat bandar Yang Berhormat.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

[*Pembesar suara dimatikan*]

■1330

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya ada dua soalan tambahan mengenai perkara lain.

Nombor satu- melihat bahawa DBKL memang besar dari segi pendapatannya, dari segi ruang kuasanya dan di kawasan yang paling maju di seluruh negara. Saya nampak hasil yang diperoleh daripada iklan ini macam *almost insignificant*. Satu tahun lebih kurang RM4 juta sahaja, RM4.5 juta pada tahun lalu tahun 2013.

Apakah sebabnya ia nampaknya cukup rendah dan saya rasa lebih rendah dari MPPJ kalau tak salah. Adakah langkah diambil untuk menaikkan kutipan daripada iklan-iklan? Saya rasa lebih baik kita naikkan kos iklan daripada menaikkan *assessment fee* kepada orang ramai. Saya rasa ini merupakan satu ruang untuk meningkatkan pendapatan bagi DBKL. Ini soalan pertama.

**Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz:** Yang Berhormat memang berbeza dari segi fi lesen antara MPPJ dengan DBKL. Pada satu peringkat DBKL memang nak *review* balik *rate* lesen di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana di MPPJ atau di Selangor, mereka ada pelbagai *rate*. Kadarnya lebih tinggi daripada kita. Jadi saya rasa sudah sampai masanya dengan persetujuan Datuk Bandar untuk kita kaji semula kadar ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kalau *you* naik pada orang ramai punya rumah, itu kena marah. Akan tetapi, kalau naik pada iklan saya rasa tak ada orang yang marah.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

[*Pembesar suara dimatikan*]

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Di sini ada dua papan iklan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Satu papan iklan premis, satu lagi papan iklan yang individual ataupun premis iklan atau sebagainya.

Dari penelitian kita, memang banyak juga premis-premis yang buat operasi perniagaan tidak mengambil permit perniagaan atau premis daripada kita, maka kita tidak dapat mengutip dari segi papan iklan dan sebagainya.

Jadi mulai tahun ini kita telah pun memulakan satu gerakan untuk melengkapkan rekod-rekod premis yang mengadakan perniagaan. Daripada sana kita akan melaksanakan kerja-kerja untuk mempertingkatkan kutipan termasuklah kutipan papan-papan iklan yang dibuat. Manakala bagi papan iklan- *advertisement board*, kita dapati kita tidak begitu mempunyai- kadar kita agak rendah. Jadi saya ambil pengalaman Tuan Pengerusi, Kuching mengenakan *per square foot* cukup tinggi. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat PJU bahawa, kalau kita kenakan pada papan-papan iklan memang tidak ada orang bantah berbanding dengan kita kenakan *assessment*. So, saya pun dah berbincang di peringkat pengurusan tertinggi. Kita akan mula mengkaji semula kadar-kadar ini bagi membolehkan kita melaksanakannya secepat mungkin untuk membolehkan kita memperoleh pendapatan lebih baik.

Keduanya kita juga cuba mendapat satu sistem sebagaimana yang telah pun diluluskan Exco pada kita iaitu TOL untuk tapak-tapak yang akan kita cuba *bidding*. Kalau dengan secara *bidding* ini mungkin dia akan mendapat tawaran lebih baik kepada syarikat-syarikat yang ingin mengambil tapak tersebut untuk dilaksanakan.

Ketiga, kita juga telah pun memperkukuhkan balik iaitu tandatangan kita dengan Syarikat Ströer. Ströer adalah satu syarikat antarabangsa yang telah pun menjalankan aktiviti di Kuala Lumpur tetapi...

**Tuan Pengerusi:** Ströer ya..., namanya begitu?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ya. Akan tetapi sehingga setakat ini kita tidak *conclude* lagi *agreement*. Saya baru sahaja mempengerusikan dua tiga hari lepas dan kita akan *conclude* kan *agreement* dengan pihak berkenaan dan sumbangan yang akan diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekitar RM1.5 juta mengikut jumlah tapak yang telah pun kita persetujui. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa *we have to really improve enhance the management of this* permit ataupun kutipan kepada papan-papan iklan. Sama ada papan iklan *advertisement board* atau papan iklan premis.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya amat setuju dengan dasar untuk buat *bidding*. Saya rasa rakan-rakan saya di PAC pun amat menyokong sistem *bidding*. Di Selangor pun belum buat *bidding* lagi. Akan tetapi kalau DBKL boleh buat *bidding* dulu, ia akan menunjukkan ketelusan dan juga keikhlasan untuk meningkatkan hasil daripada papan iklan. Saya rasa *bidding* merupakan cara yang baik dan saya rasa ia akan dapat lebih menunjukkan harga pasaran yang syarikat-syarikat mampu bayar untuk papan-papan iklan ini. So, saya rasa Kuala Lumpur memang *prime location for all the advertisement*. Itu nombor satu.

Nombor dua mengenai perjanjian dengan Ströer ini saya ada mungkin kerana saya tak tahu apa yang ada dalam kandungan perjanjian tersebut, saya hanya bimbang satu perkara sahaja. Adakah ini satu penswastaan lagi yang memberikan kuasa monopoli kepada satu syarikat ke atas tempat-tempat yang tertentu. Saya rasa kalau satu perjanjian begitu diberikan tidak ada masalah asalkan pemenang itu mendapat kontrak penswastaan melalui *bidding* juga.

kalau katakan RM1.5 juta mungkin kita tawarkan kepada semua orang buat *bidding*, ada orang yang mungkin mampu bayar RM2 juta, RM2.5 juta saya tak tahu. So, saya hanya nak luahkan *concern* saya sahaja mengenai penswastaan sebegini.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Yang ini Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, saya tidak boleh lari daripada membuat - *to conclude this agreement*. Ini kerana dua tahun lepas, dua syarikat telah pun diberikan untuk mengendalikan iklan-iklan di sekitar Kuala Lumpur. Akan tetapi, oleh sebab syarikat itu telah pun menjual kepentingan ini kepada Ströer, jadi Ströer telah pun meminta kita untuk *conclude* cepat Tuan Pengerusi.

*So, I have to rush because* dia telah pun membawa kes ini ke mahkamah dan *sue* kita lebih kurang RM42 juta. Jadi saya telah pun meminta supaya perkara ini dapat diselesaikan dan nampaknya *based on a cordial relationship, discussion* dua tiga hari lepas, nampaknya kita akan *conclude as soon as possible to make sure that this* dapat diselesaikan. Dia pun tidak boleh dapat pendapatan oleh sebab masih lagi tersekat dari segi perjanjian dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Maka kalau sekiranya kita dapat *conclude* kan, apa yang telah pun kita putuskan, saya rasa ini akan membantu kita untuk mempercepatkan dari segi hasil kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mungkin Pengarah Undang-undang kita boleh perelaskan *why we really* lambat sangat dari segi keputusan-keputusan sebab kes ini sudah sampai ke mahkamah, Tuan Pengerusi, termasuk juga telah pun diminta oleh Kementerian Kewangan untuk kita selesaikan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa ini merupakan satu antara sebab mengapa kita selalu menegaskan supaya kontrak-kontrak penswastaan ini diberikan secara tender. Saya rasa Ströer membeli kontrak-kontrak yang awal daripada dua syarikat itu kerana ada premium yang dua syarikat itu boleh dapat kerana mereka menandatangani perjanjian tersebut dengan harga yang rendah, dia boleh jual dengan premium kepada Ströer. Ströer dah beli, sekarang hendak ambil tindakan kepada DBKL, DBKL pun macam terikat dengan perjanjian yang lalu.

So memang dengan perjanjian Ströer mungkin adalah cara paling baik untuk selesaikan luar mahkamah dengan perjanjian yang baru, tetapi mungkin dalam masa yang akan datang, cara penswastaan iklan ini perlu dibuat dengan *market practice* lah secara terbuka supaya kita dapat *value* yang paling tinggi. Itu nombor satu. Apakah dua syarikat itu yang jual konsesi kepada Ströer ini, apakah dua syarikat itu?

■1340

**Tuan Pengerusi:** Nama syarikat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Nama syarikat.

**Puan Rohayah binti Karim [Pengarah Jabatan Undang-undang & Pendakwaan DBKL]:**

Dua syarikat tersebut yang awalnya mendapat kontrak tersebut satu Ritz Worldwide dan *the other one* is Ritz Outdoor (M) Sdn. Bhd.

**Tuan Pengerusi:** Sama juga. Ritz Outdoor Malaysia.

**Puan Rohayah binti Karim:** Yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Rohayah binti Karim:** Ya. Dia subsidiari.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dia subsidiari. Apakah fi yang dibayar oleh kedua-dua syarikat ini setiap tahun untuk penswastaaan iklan ini?

**Puan Rohayah binti Karim:** Setakat ini belum bayar sebab kita belum *conclude the new agreement* itu yang akan *ditakeover* daripada dua syarikat ini...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dua tahun lalu mereka dapat konsesi terus jual kepada Ströer?

**Puan Rohayah binti Karim:** Ya dengan kelulusan...

**Tuan Pengerusi:** Bila *date* kelulusan daripada DBKL? Tarikh kelulusan daripada DBKL untuk kedua-ke dua *company* ini?

**Puan Rohayah binti Karim:** *About 3 years back. I cannot remember now, tetapi the discussion is going on about three years back.*

**Tuan Pengerusi:** *But then when you sign the contract, the contract must have validity period.*

**Puan Rohayah binti Karim:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** *I know given concession, tetapi there must be period when they have to start the...*

**Puan Rohayah binti Karim:** Kalau tidak silap saya tahun 2005.

**Tuan Pengerusi:** *Sure 2005?*

**Puan Rohayah binti Karim:** Saya akan semak semula.

**Tuan Pengerusi:** Tolong beri maklumat. Maknanya mereka *sign* kontrak dengan DBKL tahun 2005?

**Puan Rohayah binti Karim:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So masa tahun 2006 sehingga tahun 2008, dia tidak laksanakan bisnes dia?

**Puan Rohayah binti Karim:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** DBKL tidak ambil tindakanlah walaupun mereka tidak *fulfill the contract*?

**Puan Rohayah binti Karim:** Ada keluaran notis dan sebagainya, tetapi dipersetujui diteruskan rundingan. Pada satu peringkat memang kita telah keluaran notis penamatan, tetapi dipersetujui yang kita teruskan rundingan dengan *agreement* yang baru ini.

**Tuan Pengerusi:** Kontrak ini di VAT oleh AG?

**Puan Rohayah binti Karim:** Kita serahkan kepada Bahagian Penswastaaan UKAS.

**Tuan Pengerusi:** Yang baru ini, yang dahulu?

**Puan Rohayah binti Karim:** Yang dahulu tidak.

**Tuan Pengerusi:** AG tidak- maknanya Puan sebagai *legal officer*, puanlah yang meluluskan. *Was is it you or was is it somebody else?... Before 2005.*

**Puan Rohayah binti Karim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Puan masa itu, adakah puan jadi *legal officer* pada masa itu?

**Puan Rohayah binti Karim:** Ya, saya sebagai pengarahnya tetapi pada masa itu oleh sebab ia bukan merupakan penswastaaan, jadi kita tidak rujuk kepada UKAS yang biasanya akan rujuk kepada AG.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kenapa tidak dianggap sebagai penswastaaan bagi perjanjian awal, dan apakah skop perjanjian awal?

**Puan Rohayah binti Karim:** Dia namanya *sponsorship*. Jadi kita tidak anggap ia sebagai penswastaaan. Dia disebut sebagai *sponsors* untuk iklan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *In sense*, adakah ia sama dengan penswastaaan- dia bagi wang, dia dapat khusus hak tertentu ke atas tempat-tempat iklan yang tertentu?

**Puan Rohayah binti Karim:** Semasa itu oleh sebab dia disebut sebagai *sponsor*, jadi kita tidak anggap dia sebagai penswastaaanlah.

**Tuan Pengerusi:** *Legally when you sign the contract, the contract in nature you kata sponsor* tetapi sekarang ini dia boleh jual to Ströer as *privatization*. Itu sudah berlainan sifatnya.

**Puan Rohayah binti Karim:** Bila dia jual dan kita bincang di peringkat UKAS, mereka bersetuju supaya konsep ini ditukarkan kepada *concession*.

**Tuan Pengerusi:** Masa mula-mula tidak ada *time period*?

**Puan Rohayah binti Karim:** *5 plus- all together about 10 years.*

**Tuan Pengerusi:** *It is 10 years- is five plus five.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So for sponsorship*, sebenarnya mereka perlu bayar *sponsorship* kepada DBKL. So mereka satu sen pun tidak bayar?

**Puan Rohayah binti Karim:** Ada bayar tetapi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Jauh daripada apa yang dijanjikan?

**Puan Rohayah binti Karim:** Bayar lesen, tetapi dari segi *rental* itu kadang-kadang bayar dan ada *default*.

**Tuan Pengerusi:** Minta Jabatan Audit Negara lihat isu inilah.



**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Itu Yang Berhormat, kita cuba *conclude agreement because to them*, selagi *agreement* tidak ditandatangani, dia tidak boleh *all rise to* bayar kepada kita dari segi RM1.5 *million* sebagai sumbangan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. *So, we have to really rush* untuk selesaikan sebab sudah sampai ke peringkat pihak kerajaan dan juga pihak mahkamah. Jadi, benda-benda seperti ini perlu kita selesaikan. Saya telah pun adakan mesyuarat *to conclude that one*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Soalan kedua, minta maaf kerana lama masa diambil. Hanya mengenai isu peranan DBKL dalam pembinaan rumah kos rendah. Memang dalam dua tahun dahulu ada isu atau kontroversi di mana DBKL akan menggunakan aset DBKL untuk dijual beli, dijual sewa kepada pihak penduduk. Apakah *latest development* atau perkembangan terkini, dalam *this low cost housing project*?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kita ada dua pendekatan Yang Berhormat. Pertamanya, tanah-tanah yang kita swasta ataupun kita jual secara terus atau *direct sales*, kita ada juga memasukkan syarat-syarat untuk pihak swasta yang membeli itu melaksanakan perumahan umpamanya 30% ataupun 50%. Kes yang terakhir ini sehingga kita minta 100% untuk membolehkan rumah-rumah ini dapat dijual.

Kedua kita minta melalui *planning requirement* atas dua syarat. Pertamanya kalau sekiranya dia hendakkan densiti yang tinggi daripada umpamanya 320, dia hendakkan densiti yang tinggi kepada 1,000 orang per ekar, kita akan minta dia sumbangan sekurang-kurangnya 30% ataupun memang tidak sampai ke 50% untuk dia menyumbangkan rumah mampu milik kepada masyarakat.

Jadi berdasarkan kepada pengalaman kita sekarang ini, kita telah pun mempunyai sekitar 14,000 atau 15,000 unit rumah yang akan dibina oleh pihak swasta dan juga melalui penswastan kita. Cuma yang menjadi masalah Tuan Pengerusi, kebanyakan pemaju-pemaju tidak berminat untuk membina rumah *low cost*. Ini kerana berdasarkan kepada perkiraan dan perbincangan kita dengan pihak REHDA, dikatakan bahawa *cost of* pembinaan per *square foot* ialah RM160. Kalau kita minta rumah itu 80 kaki persegi darab RM160 dan sebagainya, kita tidak akan dapat harga RM42,000. So inilah...

**Tuan Pengerusi:** 80 kaki atau 80 meter persegi?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** 80 kaki persegi.

**Tuan Pengerusi:** Kos dia 80 kaki persegilah. Luas dia? Luas rumah?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** 800 kaki persegi.

**Tuan Pengerusi:** Seluas 800 kaki persegi.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Akan tetapi setakat ini satu atau dua projek sahaja yang kita paksa diri kita jual RM42,000. Sebenarnya tidak boleh kita jual RM42,000, tetapi kita paksa diri kita untuk jual RM42,000 kerana mereka yang duduk di situ sudah lama tinggal di situ. Jadi bila kita buat *development*, kita jual balik pada RM42,000.

Daripada 14,000 atau 15,000 unit itu, kebanyakannya mengehendaki jualan *affordable house* bawah daripada RM300,000. Maknanya, dia akan cuba dapat *the maximum of* harga mampu milik RM300,000. Jadi, inilah yang kita buat dan kita dapati *we can't afford* untuk membuat rumah bawah daripada ataupun kos rendah sekitar RM42,000 kerana ini akan juga menyebabkan *public money to be spend for to subsidized this kind of house*, sedangkan kos pembangunan melebihi RM160 per *square foot*.

■1350

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Satu soalan tambahan sahaja. Hendak faham, proses yang 30% di mana pihak pemaju membina rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah, adakah aset itu diserahkan kepada DBKL ataupun masih dimiliki oleh pihak pemaju dan lepas itu di...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Tuan Pengerusi, KSU boleh jelaskan. Kita cuba mewujudkan *marketing mechanism* supaya semua rumah yang dibuat di bawah *affordable house* ataupun rumah PPA1M ataupun rumah kos rendah mesti *direregister* dengan kita sama ada di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun di kementerian. Daripada itu kita akan saringkan supaya calon-calon yang akan membeli rumah itu adalah daripada mereka yang mengikut pendapatan yang ditetapkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Patutlah DBKL cepat hendak jual rumah itu semua. Sampai sekarang masih *maintain* kalau RM100 juta setahun. Berapa tadi? RM100 juta setahun digunakan untuk *maintain* rumah...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Walaupun kita *offer* Tuan Pengerusi, kita ada 74,000 unit, baru-baru ini kita *offer* 44,000 lebih unit, yang beli cuma 11,000 unit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Pada harga RM42,000 ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Bukan RM42,000, RM32,000 sampai RM21,000.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Lain sewa?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Mereka tidak mahu beli sebab sewa RM124. Kalau dia buat pinjaman RM320, kemudian *they have to pay for the maintenance*. *At the same time they have to establish JMB*. *So they say better they* tidak beli kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur RM124, bayar RM50, *they can get all sort of the* kemudahan. *So now burden to* Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi:** *This is after they live there for at least 20 years?*

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Dia akan turun kepada anak.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya lebih daripada itu...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Dia tidak akan keluar, payah Tuan Pengerusi. Dia tidak akan keluar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So my understanding is correct.* Bila setelah pihak pemaju membina rumah kos rendah tersebut, dia akan serahkan kepada DBKL dan DBKL boleh jualkan rumah tersebut kepada pihak yang layak ataupun sewa. Kalau sewa, kutipan sewa dikutip oleh pihak DBKL. So memang milik DBKL.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Masalahnya...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So now the problem is* kita tidak dapat memberikan insentif kepada penduduk di sana untuk memiliki rumah tersebut.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Yang Berhormat, sebenarnya ia ada dua isu ini. Satu, rumah kos rendah yang sedia dimiliki oleh DBKL 70,000 unit lebih, kita hendak jual 45,000 unit, yang ambil hanya lebih kurang 11,000 unit atau 12,000 unit, yang lain tidak hendak ambil. Itu satu *group*. Satu lagi kategori, pembangunan semula. Pembangunan semula ini tanah dimiliki oleh DBKL atau *share*, yang ini *of course priority* diberikan kepada yang duduk di situ. *This is development program.* *This one* contohnya macam Taman Ikan Emas, ada beberapa tempat lagi di Razak Mansion contohnya, itu memang mereka akan tetap dapat faedah.

Ketiga, projek-projek penswastaaan tanah milik DBKL. Ini yang berkonsep PPA1M, rumah mampu milik, harga yang dikawal oleh kerajaan. Kita tentukan harga, mereka masuk bina dan kemudian kita akan beri keutamaan kepada mereka yang mendaftar yang masuk kategori ini sahaja, yang tidak masuk memang tidak boleh. Begitulah lebih kurang.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa ini satu isu yang elok juga PAC mendalami. Fasal apa, beban kepada DBKL pula. Kalau beginilah, rumah stok yang sudah ada perlu tanggung, selepas itu perlu buat rumah baru lagi dan sebagainya, ini akan memberikan tekanan. Sudah turun temurun, daripada bapa pergi ke anak pula. Begini tidak adil kepada rakyat lain secara keseluruhan kalau betul-betul orang yang tidak mampu tidak diberikan tempat kerana sudah turun temurun pula.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Itulah Yang Berhormat, *unless* sewa itu dinaikkan sebab RM124 itu sendiri pun tidak mencukupi untuk DBKL. DBKL perlu tambah lagi tidak cukup untuk *cover*.

**Tuan Pengerusi:** Majlis Bandaraya Johor Bahru pun banyak kompelin bila saya desak begitu, saya faham. Ini kawasan saya sendiri. Ada soalan lain? Yang Berhormat Kepong tidak ada soalanlah, dia hendak puji sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi ini susah sedikit kerana masalah di Johor Bahru itu teruk. Jenayah, banjir, papan iklan yang terjatuh... *[Ketawa]* Kita ada masalah terus jumpa dengan Datuk Bandar. Dia ada berdialog dengan kita untuk mengatasi kelemahan-kelemahan. Johor Bahru tidak ada. Itu masalah di situ.

Datuk Seri, masalah perumahan memang timbul, susah hendak diselesaikan. Apakah cadangan Datuk Seri untuk menangani sama ada sewaan ataupun jualan rumah kos rendah dan sederhana?

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Yang Berhormat, saya hendak maklumkan bahawa Kementerian telah menetapkan sasaran untuk membina rumah mampu milik ini bawah RM300,000. *In fact* sesetengahnya Yang Berhormat Menteri kita pun telah tetapkan mesti jual RM250,000. Tengok tempat sebab tanah di bandar ini memang amat mahal. Jadi itu sasaran kita untuk bina 80,000 unit dalam tempoh lima tahun.

Setakat ini kita sudah capai lebih kurang hampir 40,000 unit tidak silap saya campur-campur dengan di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan. Kita punya *proportion*, Putrajaya patut bina 20,000. Putrajaya tidak ada masalah untuk PPA1M. Di Labuan pun tidak banyak masalah juga, tanah ada dan sebagainya. Cuma di Kuala Lumpur ini agak bermasalah dan sekarang kita tengah berusaha. Sekarang ini saya ingat yang sudah ada komitmen lebih kurang hampir 15,000 unit Tuan Pengerusi tidak silap saya, 14,000 unit ke 15,000 unit. *Target* kita 50,000 unit dalam tempoh lima tahun, sekarang ini baru setahun tempoh kita.

Saya rasa *insya-Allah* kami yakin dengan apa yang ada pada kita ini, kita boleh menggalakkan pemaju untuk sama-sama menyumbang bina rumah mampu milik. Antaranya seperti *plot ratio* yang lebih tinggi, kita beri kemudahan supaya mereka dapat membina rumah yang lebih banyak, kemudian mungkin insentif lain. DBKL pun beri kemudahan contohnya, *development charge* dikurangkan. Ada ya Datuk, kes-kes tertentu yang kita kurangkan *development charge*. Mungkin ada tapak-tapak ini yang kami sedang kenal pasti yang mungkin- ada kes-kes tertentu mungkin tanah-tanah yang tidak ada tuan, maknanya mungkin belum digazet, mungkin awal cadangan kita, itu kita boleh tukar untuk kawasan perumahan. Jadi sekurang-kurangnya Yang Berhormat, dalam tempoh lima tahun 80,000 unit akan kita binalah berbanding dengan sasaran negara sebanyak 1 juta unit. Kami sudah ambil 8% daripada jumlah tersebut, *insya-Allah*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini untuk kita tunjuk kepada Johor Bahru, kelemahan-kelemahan ini bila kita boleh selesaikan dan selepas diselesaikan, apakah anggaran kutipan daripada paparan iklan ini?

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Saya ingat bila paparan iklan tadi, sistem yang kita sudah *integrate* semua sistem ini Yang Berhormat, isunya data pada saya di mana-mana pun. Kalau sistem ini kita sudah boleh yang bentuk yang *up to date* semua. Tadi Tuan Pengerusi ada sebut, contohnya apa kaedah pemantauan. Kalau kita misalnya ada *alert system* atau *blinking* dan sebagainya di dalam kita punya pusat, *by the time* dia susah *expire* kita tahu, dan kita boleh terus hubungi dia. Saya ingat semua ini berbalik kepada sistem.

**Tuan Pengerusi:** *Management* tertumpu kepada sistem.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi kita tidak tahu lagilah apa kutipan...

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Sistem kita tadi kita sudah *update* paparan iklan hingga akhir tahun ini, *insya-Allah* kalau boleh masuk semua, *hopefully by next week* kita sudah boleh operasi sepenuhnya yang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pada tahun hadapanlah kita boleh selesaikan semua. Kita berikan taklimat kepada Johor Bahru kerana kurang sangat di situ.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikhsan:** Johor Bahru tidak ada masalah Yang Berhormat sebab penduduknya tidak seramai di Kuala Lumpur.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Masalah tanda jalan itu. Tanda jalan kerana ada *Ah long*, bukan sahaja di Johor Bahru tetapi di sini ada *Ah long* juga. Kita ada dia tampalkan iklan dia dan di banyak tempat kita tidak nampak nama jalan. Apakah kita boleh buat? Saya tahu tindakan sudah diambil, tetapi kesan itu tidak nampak sangat.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kita telah pun mengambil langkah-langkah selain daripada *WhatsApp*. *WhatsApp* kita ada untuk notiskan mana-mana tempat yang kita perlu bersihkan *illegal posters* dan iklan ini.

■1400

Satu lagi ialah kita telah pun mengambil pendekatan iaitu tidak lagi membina ataupun memasang tanda jalan separas pinggang. Kita ambil pembinaan tanda-tanda jalan melebihi lapan kaki untuk membolehkan kita mengelak daripada tanda-tanda jalan ini dicerobohi ataupun ditampal dengan ini.

Keduanya, kita akan cuba mengurangkan tiang-tiang tanda jalan ini dengan menggunakan *pole* yang *centralized* macam berlaku di London ataupun di US. Dia ada buat ada satu sahaja. Di situ ada tanda jalan dan sebagainya. Ini turut mengelakkan satu kemudahan untuk orang yang berjalan kaki. Keduanya untuk mengelakkan daripada berlakunya vandalisme. Saya rasa langkah-langkah ini adalah perlu sebab di Kuala Lumpur, kita boleh katakan setiap malam melaksanakan kerja-kerja penurunan poster, *banner* dan sebagainya dan melibatkan satu jumlah *overtime* yang tinggi kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Yang Berhormat, saya hendak kongsi sedikit maklumat ini. Satu inisiatif telah pun dibuat beberapa tahun yang lepas yang mana pihak beberapa PBT yang besar ini diminta mengumpul maklumat tentang nombor-nombor telefon contohnya, ya kita kumpulkan yang *illegal* ini, nombor telefon dan serahkan kepada SKMM. Cuma isu sekarang ini terpulung kepada SKMM, kalau mereka boleh potong nombor telefon ini, *I think* itu satu keputusan yang tidak baik bagi pihak *company*lah. Dia buat *business* kena potong, buat *business* kena potong. *I think it is a good deterrent* tetapi isunya ia masih lagi di pihak perbincangan. Saya ingat mungkin ada masalah-masalah perundangan dan sebagainya yang perlu diselesaikan.

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan lain? Saya tadi bila dengar-dengar ada soalan lain pula yang timbul. Mula-mula saya hendak habiskan. Soal tanah tadi, ia ada dua cara. Satu, DBKL buat rumah di tanah sendiri, satu lagi DBKL minta pemaju buat rumah mampu milik apa semua untuk- kepada pemaju swasta. DBKL banyak lagi tanah sendiri di Kuala Lumpur?

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan [Ketua Setiausaha]:** Di DBKL Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Pasal isu ini timbul selalu saya dengar, mengenai isu penswastan tanah ini dan sebagainya. Jadi orang kata sama ada tanah-tanah ini- masa saya di UDA dahulu pun, menjadi Pengerusi UDA, kita pernah *bid* untuk tanah yang di bawah KPTG di depan tanah *Pudu Jail* itu, yang *bus depot* dahulu. UDA pula disuruh *bid market price*. *Last* sekali orang yang menang itu, RM200 juta dia bayar untuk tanah tersebut. Adakah amalan seperti begini, tanah-tanah yang di Kuala Lumpur dijual begitu sahaja. Apakah kaedah yang dipakai selalunya?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kita memenuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan melalui UKAS iaitu kita menjual ikut harga pasaran *plus potential value 20%*. Kalau sekiranya masa penjualan itu Yang Berhormat, *plot ratio 6*. Kalau dia minta akan pertimbangan untuk dinaikkan *plot ratio 10* atau *11*, di antara *6 base* kepada *11* itu adalah *enhancement value*. *So still* kita berdasarkan kepada ini, kita tidak jual, itu pertama. Keduanya, kita melalui *bidding* terhadap ataupun terbuka yang kita buat untuk mendapatkan harga yang tinggi. Jadi inilah yang telah kita lakukan tetapi untuk makluman Tuan Pengerusi, sebenarnya tanah DBKL tidak ada lagi yang tinggal. Kebanyakan...

**Tuan Pengerusi:** Berapa banyak keping lagi yang tinggal?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Tidak berapa banyak keping lagi sudah.

**Tuan Pengerusi:** Agak-agak berapa keping? Sepuluh keping... [Ketawa]

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Saya ingat *less than five, less than ten* lah.

**Tuan Pengerusi:** Yang besarlah ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Yang kecil-kecil.

**Tuan Pengerusi:** Yang kecil-kecil sahaja tinggal. Yang besar-besar?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Tidak ada besar. Kita ada dengan Zil 57 ekar, dengan Amin lebih kurang dalam 26 ekar. Kemudian satu lagi ialah tanah yang kita jual masih di peringkat 10% punya deposit. Menteri telah pun buat keputusan, kita meletakkan syarat, sekiranya tidak dibayar dalam masa tempoh enam bulan kita akan tarik balik. Jadi ini proses-proses yang perlu kita perkukuhkan.

**Tuan Pengerusi:** Pasal isu yang selalu timbul kepada rakyat, kos harga rumah di kawasan Kuala Lumpur ini memang sudah di luar daripada kemampuan mereka. Memandangkan bahawa DBKL sepatutnya ada *supply* tanah yang digunakan untuk hendak *control supply and demand* tanah di Kuala Lumpur, untuk *control* harga. Sekarang ini pun DBKL sudah tidak ada lagi tanah, makna sekarang ini *supply* sudah tidak ada. Itulah harga rumah akan terus melambunghlah di Kuala Lumpur ini. Mungkin satu hari nanti PAC boleh panggil DBKL untuk terangkanlah mengenai...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ya boleh.

**Tuan Pengerusi:** Tambahan tadi mengenai tanah, isu rumah murah, isu kenaikan harga rumah di kawasan bandar ini untuk kita bukukan dan kita buat laporan. Jadi biar rakyat faham.

Kadang-kadang isu-isu seperti ini sebab itu ada beberapa isu tadi yang kita sebutkan, isu ini adalah untuk pengetahuan rakyat dan jawapan yang diberikan memang saya rasa teluslah. Tidak ada-kecuali tadi isu penswastaaan tadilah... [Ketawa]

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Untuk makluman Tuan Pengerusi, *registration* untuk mendapatkan rumah di Kuala Lumpur *alone*, melebihi 110,000. Yang *qualified to be considered*, 38,000. Rumah yang masih berbaki kepada kita untuk penempatan setinggan lebih kurang dalam 3,000. Maknanya *we have to provide more than 35,000* untuk rumah *low cost*. Itu tidak termasuk lagi *second generation* yang tinggal sekarang. Itu yang kita rasa *quite crucial to* Kuala Lumpur *but based on the report of* perunding, dalam usaha kita untuk mencapai penduduk *more than two millions*, kita tidak akan sampai sebab *people will move to the Southern part of Kuala Lumpur* kerana sana lebih murah rumah dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Selepas ini bila MRT pula dibina dan sebagainya, ia keluaran lagi penduduk dari kawasan bandar raya Kuala Lumpur, kuranglah hasil DBKL selepas ini... [Ketawa]

Isu yang terakhir yang saya hendak bawa, tadi cerita pasal *sidewalk* bukan? Masa di UDA juga, UDA juga ada masalah mengenai *sidewalk* di depan kompleks. Sudah beberapa tahun tinggalkan UDA, lupa sudah. Okey, BB Plaza. *Sidewalk* di depan itu ada kafe dan sebagainya, dan DBKL membenarkan pasal *Bintang Walk*, membenarkan kedai-kedai dibina di atas *sidewalk* itu dan akhirnya menjadi *obstruction* kepada pejalan kaki. Saya tengok perkara itu lebih menjolok mata lagi di depan Pavilion bila YTL Starhill sudah buat struktur kacanya yang betul-betul...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Sephora, Sephora.

**Tuan Pengerusi:** Sephora itu betul-betul kena pada bahu jalan. Jadi, saya pun tidak faham macam mana perkara ini boleh berlaku dan apakah dasar DBKL dalam hal ini? Pasal perkara itu ia menghalang trafik dan macam mana mereka diberikan *special treatment* untuk hendak buat sedemikian dan orang lain tidak diberikan.

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Ini Tuan Pengerusi adalah urusan yang lima tahun atau enam tahun yang lepas dan sebelum inilah sebagai sebahagian daripada *effort* kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan dan tarikan kepada Bukit Bintang daripada segi *shopping paradise* untuk Kuala Lumpur. Jadi tanah itu telah di *leasekan* kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama dengan pihak YTL untuk pembangunan Sephora ini. Sekarang *lease* itu telah pun tamat. *We are in the process of negotiating* dengan pihak YTL *to amend the structure* itu, sebab ramai orang kompelin bahawa mereka tidak boleh melalui laluan yang lebih baik di sekitar itu. Sekarang ini kami sudah peringkat untuk meminta mereka membuat *amendment*. Mereka sudah *proposed* kepada kita untuk membuat *amendment* jadi akan disediakan laluan secara semacam laluan di bawah *tunnel*. Dalam *tunnel* itu ada pameran untuk membolehkan orang lalu di sepanjang bawah Sephora itu.

## ■1410

Akan tetapi kami berpandangan bahawa itu tidak mematuhi keperluan itu. Jadi kita minta supaya laluan itu dibuat *transparent* supaya dapat dilihat daripada jalan. *So we are now in process of finalizing that one* untuk membolehkan kita bersama-sama dengan YTL. Akan tetapi pada masa yang sama oleh sebab *lease* telah pun tamat, *we have to apply* balik kepada PTG bagi membolehkan kita membuat servis baru dengan pihak YTL. *We cannot simply* meruntuhkan itu Tuan Pengerusi kerana juga melibatkan imej kerajaan dan juga DBKL kerana ia melibatkan *Debenhams* dan syarikat-syarikat *passion* yang istimewa. Jadi kita...

**Tuan Pengerusi:** Apa yang berlaku sebelum ini saya memang mengakuilah ada- tidak sepatutnya perkara itu berlaku pasal apa *by law* DBKL tidak membenarkan apa-apa pembinaan atas *site walk*. Tapi mereka diberikan tempoh *lease* untuk *lease period* untuk hendak buat berapa lama itu ya? Sudah habis tapi maklum awal mereka diberi awal-awal itu?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Saya tidak berapa pasti berapa tahun tapi sekarang sudah habis. Kami dalam proses untuk meminta di bawah DBKL sekali lagi untuk disewakan balik kepada YTL. Sebab saya pun...

**Tuan Pengerusi:** Tapi kalau benda itu melanggar *by law* keseluruhan DBKL, buat apa hendak bagi dia orang balik?

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Sebab itu kita *adjust* balik kedudukan bangunan itu supaya dapat menyediakan laluan pejalan kaki.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi *site walk* ini kadang-kadang digunakan untuk *emergency* dan sebagainya kalau lori hendak masuk dan sebagainya kenderaan besar hendak masuk *structure* di tepi-tepi *site walk* ini akan menghalang apa...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Kami cuba penyelesaian terbaik Tuan Pengerusi sebab satu oleh sebab dia menyebabkan imej kepada kerajaan dan juga DBKL dari segi mereka dibenarkan berniaga sebelum ini dan kalau kita hendak runtuh memang kita boleh keluarkan surat meruntuh bangunan tersebut tetapi oleh sebab rayuan daripada YTL dan kita melihat ada logik dari segi tetapi kita mempertimbangkan...

**Tuan Pengerusi:** Ini elok juga kalau Jabatan Audit tengok PTG itu macam mana dia orang melaksanakan perkara ini pasal benda ini melanggar- benda ini di sini melanggar syarat DBKL...

**Datuk Seri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib:** Perancangan.

**Tuan Pengerusi:** Perancangan dan perkara ini tidak boleh diberikan keistimewaan kepada seorang nanti akan jadi isu kepada orang lain pula, orang lain pun minta kenapa orang lain tidak diberikan peluang juga. Jadi daripada tidak ada orang baik tidak usah ada. Ikut *by law* DBKL perancangan. Jadi audit orang kata pergi ke PTG tengok benda ini. *Sorry*lah saya minta audit untuk bantu DBKL. Jadi ada soalan lain? Wakil-wakil kementerian? Tidak ada. Jabatan Audit Negara?



Kalau tidak ada saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk kerana telah sudi datang kepada hari ini dan sebenarnya memberikan kita taklimat lebih lagi daripada isu yang dipanggil, memberikan kerjasama yang baik. Saya ucapkan terima kasihlah di atas perkara tersebut. Soal tadi fasal penswastan iklan itu, saya rasa kita akan bincang dalam mesyuarat PAC kita untuk menentukan hala tuju selepas inilah. Akan tetapi kita ambil maklumlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar bahawa DBKL akan muktamadkan perjanjian dengan merekalah kerana ada implikasi undang-undang dan sebagainya.

Kita ambil kira tetapi itu tetap merupakan satu perkara yang PAC kena tengoklah. Kita sebenarnya hendak menghalang daripada perkara-perkara lama berulang balik. Kita hendak pastikan selepas ini pematuhan kepada prosedur dan sebagainya dibuatlah.

Jadi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk dan juga kepada pasukan dan saya tangguhkan mesyuarat ini.

**Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan:** Tuan Pengerusi, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih atas perkongsian maklumat dan kita akuilah banyak juga pandangan-pandangan baru yang kadang kita sendiri juga tidak boleh selesaikan- contoh tadilah *site walk* tadi. Maknanya kita pun mungkin banyak halangan. Sekiranya ada *interventions like these*, banyak boleh membantu kami. Saya *personally*lah saya anggap pertubuhan ini amat bermakna kepada kami, sekurang-kurangnya kita tahu pada masa akan datang bagaimana untuk kita berhadapan dengan pihak audit dan juga pihak PAC.

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga lain-lain serta rakan-rakan daripada jabatan kerajaan.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.15 petang.]**